Secara umum, sektor pertanian di Malaysia merangkumi pelbagai aktiviti di bawah subsektor tanaman makanan & komoditi, perikanan & akuakultur, penternakan dan perhutanan & pembalakan. Sektor pertanian juga menjadi sumber pendapatan utama bagi kebanyakan penduduk luar bandar dan menyediakan peluang pekerjaan serta pembangunan komuniti. Selain itu, subsektor tanaman makanan seperti padi, sayur-sayuran dan buah-buahan turut memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan domestik. Dalam subsektor perikanan, industri akuakultur semakin berkembang bagi menampung permintaan yang meningkat terhadap sumber protein. Penternakan pula memberi sumbangan besar dalam pengeluaran daging, telur, susu dan produk ternakan lain.

Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai dasar dan inisiatif bagi menyokong pertumbuhan sektor pertanian, antaranya Dasar Agromakanan Negara 2.0 bagi tempoh 2021-2030 dan pelbagai program transformasi pertanian. Langkah-langkah ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing sektor pertanian, memperkenalkan teknologi moden serta menggalakkan amalan pertanian lestari yang mampu menjamin kelangsungan sumber semula jadi.

Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia dengan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), menyediakan peluang pekerjaan dan menggalakkan eksport produk pertanian. Kepentingan sektor ini bukan sahaja terletak pada pengeluaran makanan, tetapi juga dalam memastikan keterjaminan sumber makanan negara, keseimbangan sosial serta pembangunan luar bandar yang lebih inklusif. Oleh itu, pemantauan dan penilaian melalui Banci Pertanian adalah penting bagi memastikan sektor ini terus berkembang dan memberi manfaat kepada rakyat serta negara secara keseluruhan.

3.0 SOSIOEKONOMI NEGERI KEDAH

3.1 PENDUDUK

Kedah Darul Aman merupakan sebuah negeri yang terletak di bahagian utara Semenanjung Malaysia, bersempadan dengan Thailand di sebelah utara, negeri Perlis dan Pulau Pinang di barat, serta negeri Perak di selatan.

Jumlah penduduk Kedah pada 2024 dianggarkan seramai 2.2 juta orang dengan 94.9 peratus terdiri daripada warganegara dan 5.1 peratus bukan warganegara. Bumiputera mendominasi dengan 80.9 peratus, diikuti oleh Cina (11.8%), India (6.1%) dan etnik Lain-lain (1.2%). Majoriti etnik Lain-lain di Kedah terdiri daripada penduduk berketurunan Siam.

Negeri Kedah telah memasuki kategori negeri menua berdasarkan dapatan Banci Penduduk 2020 yang lalu. Jumlah penduduk yang berada dalam kumpulan umur 0-14 tahun adalah berjumlah 534.0 ribu orang iaitu 24.1%, kumpulan umur 16-64 tahun adalah seramai 1,482.1 ribu orang (66.8%) dan penduduk dalam kategori 65 tahun ke atas berjumlah 201.4 ribu orang iaitu mewakili 9.1% penduduk di negeri Kedah.

Daerah Kuala Muda merupakan daerah yang mempunyai bilangan penduduk tertinggi iaitu seramai 571.4 ribu orang (25.8%), diikuti oleh daerah Kota Setar 381.8 ribu orang (17.2%) dan Kulim 352.2 ribu orang (15.9%).

3.2 EKONOMI

Prestasi ekonomi Kedah berkembang 1.6 peratus pada tahun 2023 (2022: 7.3%) dengan nilai ditambah berjumlah RM51.8 bilion (2022: RM51.0 bilion). Melihat daripada perspektif sumbangan kepada ekonomi pula, sektor Perkhidmatan dan Pembuatan merupakan penyumbang terbesar kepada ekonomi Kedah dengan sumbangan kumulatif 85.4 peratus diikuti oleh sektor Pertanian menyumbang 10.7 peratus, manakala sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 3.0 peratus dan 0.2 peratus.

Sektor Pertanian di Kedah mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM5.5 bilion berbanding RM5.7 bilion pada tahun sebelumnya. Sektor ini merupakan penyumbang ketiga tertinggi kepada KDNK Kedah pada tahun 2023. Meskipun pertumbuhan ekonomi negeri mencatatkan peningkatan sederhana sebanyak 1.6 peratus, sumbangan pertanian kekal signifikan dalam menampung ekonomi luar bandar, menjamin sekuriti makanan dan menyokong kelangsungan hidup pekebun kecil serta pengusaha tani. Subsektor Tanaman merupakan penyumbang terbesar dalam sektor Pertanian di Kedah dengan sumbangan 42.1 peratus, diikuti subsektor Ternakan (31.8%), Perikanan (21.0%) dan Perhutanan & pembalakan (5.0%).

3.3 TENAGA BURUH

Pada tahun 2023, jumlah tenaga buruh di Kedah direkodkan sebanyak 955.1 ribu orang. Lelaki mendominasi pasaran tenaga buruh dengan 600.2 ribu orang (62.8%), manakala perempuan mencatatkan 354.9 ribu orang (37.2%). Dari segi lokasi, majoriti tenaga buruh berada di kawasan bandar, iaitu seramai 747.7 ribu orang (78.3%), manakala 207.4 ribu orang (21.7%) berada di kawasan luar bandar. Statistik ini mencerminkan tumpuan peluang pekerjaan yang lebih besar di kawasan bandar berbanding luar bandar di negeri ini.


3.4 GUNA TANAH NEGERI KEDAH

Negeri Kedah yang sinonim dengan gelaran “Jelapang Padi Malaysia”, memainkan peranan penting dalam pembangunan sektor pertanian negara. Pada tahun 2023, guna tanah pertanian di negeri ini meliputi 457,711.97 hektar bersamaan dengan 48.3 peratus daripada keseluruhan keluasan negeri yang berjumlah 946,616.36 hektar.

Manakala guna tanah hutan mencakupi 349,590.11 hektar atau 36.9 peratus yang berfungsi sebagai kawasan tadahan hujan, habitat biodiversiti, dan penyumbang utama kepada keseimbangan ekologi. Sementara itu, kawasan tepu bina mencatatkan keluasan sebanyak 117,653.79 hektar (12.4%), mencerminkan pertumbuhan sektor perbandaran dan infrastruktur yang seiring dengan perkembangan sosioekonomi penduduk negeri.

Selebihnya, iaitu 22,660.49 hektar (2.4%), terdiri daripada kawasan badan air seperti tasik, sungai dan empangan yang memainkan peranan penting dalam sistem bekalan air, pengairan pertanian serta pemuliharaan sumber air dan ekosistem akuatik.

Paparan 1: Ringkasan Guna Tanah Negeri Kedah, 2023




Sumber: I-Plan PLANMalaysia

3.5 EKSPORT DAN IMPORT PRODUK PERTANIAN

3.5.1 Eksport Produk Pertanian

Negeri Kedah bukan sahaja antara negeri terpenting dalam sektor pertanian domestik, malah turut menyumbang secara signifikan dalam eksport barangan pertanian ke peringkat antarabangsa. Berdasarkan statistik tahun 2024, jelas menunjukkan bahawa eksport komoditi pertanian negeri ini masih kukuh dan berdaya saing walaupun berdepan pelbagai cabaran ekonomi global.

**Carta 1: Nilai Eksport Komoditi Utama Barangan Pertanian,
Negeri Kedah, 2024**



Sarung tangan getah kekal sebagai penyumbang utama kepada nilai eksport Kedah dengan jumlah RM1,185 juta, peningkatan sebanyak 38.1 peratus berbanding RM858 juta pada tahun sebelumnya. Komoditi ini mencerminkan kekuatan industri berasaskan getah di negeri ini yang berupaya menampung permintaan luar negara.

Seterusnya, getah asli merupakan komoditi eksport kedua tertinggi dengan nilai RM633 juta, menurun sebanyak 3.1% berbanding RM653 juta yang dicatatkan pada tahun 2023. Walaupun berlaku sedikit penurunan, jumlah ini masih tinggi dan membuktikan bahawa getah kekal relevan sebagai antara bahan mentah utama dalam pasaran global yang dieksport oleh Kedah.


Komoditi ketiga ialah kayu tanggam dengan nilai eksport berjumlah RM305 juta, peningkatan ketara berbanding RM223 juta pada tahun sebelumnya. Ini diikuti oleh Komoditi lain seperti papan lapis (RM199 juta), *chipboard/particleboard* (RM66 juta) dan papan gentian (RM49 juta). Carta 1 menunjukkan nilai eksport bagi sepuluh (10) komoditi utama pertanian Negeri Kedah pada tahun 2024.

Secara keseluruhan, eksport tahun 2024 mencerminkan kekuatan Kedah dalam industri berasaskan getah dan kayu. Negeri ini kekal sebagai penyumbang penting kepada eksport pertanian negara.

3.5.2 Import

Negeri Kedah memainkan peranan yang sangat penting dalam sektor pertanian negara. Namun begitu, walaupun terkenal dengan hasil pertaniannya, negeri ini masih bergantung kepada import bagi memenuhi keperluan makanan tertentu.

Carta 2: Nilai Import Komoditi Utama Barangan Pertanian, Negeri Kedah, 2024



Sayur-sayuran menjadi komoditi yang paling tinggi diimport oleh Negeri Kedah pada tahun 2024 iaitu berjumlah RM350 juta. Angka ini menunjukkan peningkatan mendadak berbanding tahun 2023 yang mencatatkan RM247 juta.

Selain itu, gula daripada bit atau tebu turut mencatat import yang tinggi, iaitu berjumlah RM276 juta. Ini merupakan peningkatan yang ketara berbanding RM97 juta pada tahun 2022. Kebergantungan kepada sumber luar bagi keperluan asas seperti gula memberi gambaran bahawa Kedah masih perlu memperkukuhkan pengeluaran tempatan bagi mengurangkan ketergantungan ini.

Komoditi ketiga tertinggi diimport ialah ikan segar, disejuk atau sejuk beku, dengan nilai sebanyak RM113 juta. Ini menunjukkan permintaan berterusan terhadap hasil laut walaupun Kedah mempunyai kawasan pesisiran dan menjalankan aktiviti perikanan laut dan darat.

Dalam pada itu, beberapa komoditi lain turut mencatat jumlah import yang sederhana seperti isirung kelapa sawit (RM57 juta), krustasea dan moluska (RM34 juta), dan kacang soya (RM20 juta). Manakala komoditi seperti jagung, susu dan krim tepung, serta makanan untuk binatang masing-masing mencatat nilai yang lebih rendah, iaitu antara RM1 hingga RM5 juta sahaja.


Secara keseluruhannya, walaupun Kedah merupakan negeri pertanian, negeri ini masih menghadapi cabaran dari segi pengeluaran tempatan untuk memenuhi permintaan domestik. Usaha untuk meningkatkan hasil pertanian dalam negeri, memperkukuh teknologi pertanian serta menyokong petani tempatan amatlah penting bagi mengurangkan kebergantungan kepada import dalam jangka masa panjang.

4.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, KEDAH

4.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 124,431 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Kedah. Daripada jumlah ini, 123,194 (99.0%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 1,237 (1.0%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 2: Pegangan Pertanian, Kedah, 2023



Secara keseluruhannya, penglibatan pegangan pertanian individu masih mendominasi sektor pertanian di negeri ini, dengan peratusan melebihi 90 peratus di semua daerah pentadbiran.

Daerah Kubang Pasu mencatatkan bilangan pegangan tertinggi sebanyak 19,472, terdiri daripada 19,371 pegangan individu (99.5 peratus) dan 101 pertubuhan (0.5 peratus). Diikuti oleh Pendang dengan 17,130 pegangan, yang juga menunjukkan penguasaan individu sebanyak 99.6 peratus. Daerah Baling berada di tempat ketiga dengan 13,752 pegangan, turut didominasi oleh pegangan pertanian individu sebanyak 13,641 (99.1%). Daerah dengan jumlah pegangan lebih sederhana seperti Pokok Sena, Yan, Kulim, Langkawi, dan Bandar Baharu juga mencerminkan trend serupa dengan majoriti besar penglibatan adalah daripada individu, walaupun Kulim mencatatkan peratusan pertubuhan tertinggi dalam senarai iaitu 6.6 peratus (Jadual 1).

**Jadual 1: Bilangan Pegangan Pertanian Individu dan Pertubuhan
mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023**



Daerah Pentadbiran	Individu		Pertubuhan		Jumlah
	Bilangan Pegangan	Peratus	Bilangan Pegangan	Peratus	
Baling	13,641	99.2	111	0.8	13,752
Bandar Baharu	2,207	97.2	53	2.4	2,260
Kota Setar	14,582	98.9	168	1.1	14,750
Kuala Muda	10,714	96.6	378	3.4	11,092
Kubang Pasu	19,371	99.5	101	0.5	19,472
Kulim	3,986	95.9	171	4.1	4,157
Langkawi	3,310	98.6	47	1.4	3,357
Padang Terap	12,861	99.6	50	0.4	12,911
Sik	12,639	99.7	39	0.3	12,678
Yan	6,075	99.6	25	0.4	6,100
Pendang	17,067	99.6	63	0.4	17,130
Pokok Sena	6,741	99.5	31	0.5	6,772

4.1.1 Kewarganegaraan

Daripada 123,194 pegangan pertanian individu di Kedah, seramai 123,157 orang atau 99.97 peratus merupakan warganegara, manakala 37 orang (0.03%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.

Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan, Kedah, 2023



Warganegara
123,157
(99.97%)




Bukan Warganegara
37
(0.03%)

4.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu di Malaysia didominasi oleh lelaki iaitu 88,605 orang (71.9%) berbanding 34,589 perempuan (28.1%). Semua daerah pentadbiran merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.


Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Kedah, 2023



4.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 61,886 orang atau 50.2 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun (39,365 orang; 32.0%), 31 hingga 45 tahun (19,521 orang; 15.8%) dan 15 hingga 30 tahun (2,419 orang; 2.0%).

Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Kedah 2023




Nota: Penjumlahan peratusan $\neq$ 100% kerana tiada maklumat.

4.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 114,122 orang (92.7%), diikuti oleh Cina (4,364 orang; 3.5%), India (757 orang; 0.6%) dan Lain-lain (3,914 orang; 3.2%).


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Etnik, Kedah, 2023



4.1.5 Taraf Perkahwinan

Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (79,989 orang; 64.9%), diikuti oleh balu/duda (13,304 orang; 10.8%), tidak pernah berkahwin (10,773 orang; 8.7%) dan bercerai/berpisah (726 orang; 0.6%).

Paparan 7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Kedah, 2023




Nota: Penjumlahan peratusan $\neq$ 100% kerana tiada maklumat.

4.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 45,294 orang atau 36.8 peratus pegangan pertanian individu mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh Pendidikan rendah (28,147 orang; 22.8%) dan tiada sijil (24,729 orang; 20.1%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiar pula berjumlah 6,622 orang (5.4%).

Paparan 8: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Kedah, 2023



Nota: Penjumlahan peratusan $\neq$ 100% kerana tiada maklumat.

4.2 GUNA TENAGA PERTANIAN NEGERI, 2023

Pada tahun 2023, seramai 149,771 guna tenaga di Negeri Kedah terlibat dalam sektor pertanian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 139,166 individu atau 92.9 peratus merupakan guna tenaga di bawah pegangan pertanian individu. Ini mencerminkan penyertaan aktif masyarakat secara langsung dalam pelbagai aktiviti pertanian di negeri ini. Sementara itu, seramai 10,605 guna tenaga (7.1%) terlibat dalam pegangan pertanian pertubuhan, merangkumi syarikat, koperasi dan badan berdaftar yang menjalankan aktiviti pertanian secara komersial.

Data ini jelas memperlihatkan bahawa sektor pertanian di Kedah masih bergantung kepada penyertaan individu sebagai tunjang utama, namun turut menunjukkan peranan signifikan entiti pertubuhan dalam menyokong pertumbuhan dan pembangunan industri pertanian negeri.



SUBSEKTOR TANAMAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

5.0 SUBSEKTOR TANAMAN


Negeri Kedah mempunyai landskap pertanian yang pelbagai merangkumi tanaman utama termasuk tanaman yang menyumbang kepada kestabilan bekalan makanan negara.

Antara jenis tanaman utama yang diusahakan di Kedah termasuk padi, yang merupakan tanaman dominan dan menjadikan negeri ini dikenali sebagai “Jelapang Padi Malaysia”. Kelapa sawit dan getah, sebagai tanaman industri yang menyumbang secara signifikan kepada nilai eksport dan pembangunan luar bandar. Selain itu, terdapat juga buah-buahan tropika seperti durian, rambutan, mangga dan pisang yang diusahakan secara meluas di kawasan tanah rendah dan berbukit. Sayur-sayuran, termasuk cili, bendi, kacang panjang dan pelbagai sayur daun yang memenuhi keperluan pasaran tempatan turut ditanam secara meluas.

5.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

Daripada sejumlah 115,854 individu yang terlibat dalam subsektor tanaman, hampir 100 peratus terdiri daripada warganegara Malaysia. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor ini dengan jumlah seramai 81,693 pegangan pertanian individu, iaitu 70.5 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian. Dari segi umur, pegangan pertanian berumur 60 tahun dan ke atas mencatatkan bilangan tertinggi iaitu seramai 59,243 pegangan pertanian individu (51.1%), diikuti oleh kumpulan umur 46 hingga 59 tahun sebanyak 36,912 pegangan pertanian individu (31.9%). Bagi komposisi etnik, Bumiputera merupakan kumpulan terbesar yang terlibat, dengan jumlah 107,485 pegangan pertanian individu, merangkumi 92.8 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian individu di negeri ini.

Paparan 9: Profil Pegangan Pertanian Individu Subsektor Tanaman, Kedah, 2023



5.2 KELUASAN BERTANAM

Keluasan bertanam di negeri Kedah melibatkan keseluruhan aktiviti tanaman adalah berjumlah 388,916.0 hektar. Daripada jumlah tersebut, keluasan bertanam melibatkan pengusaha individu adalah lebih tinggi iaitu seluas 296,518.1 hektar (76.2%) berbanding keluasan bertanam pertubuhan iaitu 92,397.9 hektar (23.8%). Keluasan bertanam didominasi oleh aktiviti padi dengan keluasan 198,503.0 hektar, diikuti oleh getah (88,228.3 hektar), kelapa sawit (86,719.6 hektar), buah-buahan (10,341.8 hektar) dan tanaman lain (2,298.2 hektar). Kubang Pasu mencatatkan jumlah keluasan bertanam terbesar iaitu seluas 71,415.1 hektar diikuti oleh Kota Setar (53,617.4 hektar) dan Pendang (48,219.1 hektar).


5.3 KELUASAN BERTUAI

Keluasan bertuai di negeri Kedah melibatkan keseluruhan aktiviti tanaman adalah berjumlah 356,284.3 hektar. Daripada jumlah tersebut, keluasan bertuai melibatkan pegangan pertanian individu adalah lebih tinggi iaitu seluas 283,133.7 hektar (79.5%) berbanding keluasan bertuai pertubuhan iaitu 73,150.6 hektar (20.5%). Keluasan bertuai di dominasi oleh aktiviti padi dengan keluasan 197,300.7 hektar, diikuti oleh getah 74,277.8 hektar), kelapa sawit (70,440.0 hektar), buah-buahan (9,698.1 hektar) dan sayur-sayuran (1,996.3 hektar). Kubang Pasu mencatatkan jumlah keluasan bertuai terbesar iaitu seluas 69,133.1 hektar diikuti oleh Kota Setar (53,272.1 hektar) dan Pendang (45,112.3 hektar).

5.4 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor tanaman mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran sebanyak 2,730,243.6 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, aktiviti kelapa sawit mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi di negeri Kedah dengan nilai 1,508,259.5 tan metrik atau 55.2 peratus. Seterusnya diikuti oleh aktiviti penanaman padi berjumlah 998,709.6 tan metrik (36.6%) dan aktiviti buah-buahan berjumlah 91,978.4 tan metrik (3.4%).

Carta 3: Kuantiti Pengeluaran mengikut Aktiviti Subsektor, Kedah, 2023




Kuala Muda mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran tertinggi bagi subsektor tanaman iaitu 426,342.8 tan metrik. Kuantiti pengeluaran tertinggi didominasi oleh aktiviti penanaman kelapa sawit (355,692.9 tan metrik), yang menyumbang 83.4 peratus daripada keseluruhan aktiviti tanaman di daerah tersebut. Ini diikuti oleh aktiviti padi 45,151.3 tan metrik (10.6%) dan aktiviti sayur-sayuran 8,807.4 tan metrik (2.1%).

Kubang Pasu merupakan daerah kedua tertinggi bagi kuantiti pengeluaran iaitu 393,415.4 tan metrik meliputi 14.4 peratus bagi subsektor tanaman. Jumlah kuantiti pengeluaran ini disumbangkan oleh aktiviti penanaman padi sebanyak 291,745.4 tan metrik (74.2%), diikuti oleh aktiviti kelapa sawit 64,772.5 tan metrik (16.5 %) dan aktiviti penanaman tanaman lain sebanyak 20,928.4 tan metrik (5.3%).

Daerah seterusnya yang menyumbang kepada jumlah kuantiti pengeluaran tertinggi adalah Kulim (388,435.6 tan metrik; 14.2 %), Baling (305,038.8 tan metrik; 11.2%), Kota Setar (266,281.3 tan metrik; 9.8%) dan Pendang (264,978.5 tan metrik; 9.7%) Semua daerah ini telah menyumbang 74.9 peratus kuantiti pengeluaran bagi aktiviti tanaman di Kedah.


**Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran mengikut Lima (5)
Daerah Pentadbiran Teratas Kedah, 2023**



5.5 KUANTITI JUALAN

Kuantiti jualan mencatatkan sebanyak 2,487,110.5 tan metrik, iaitu 92.1 peratus daripada keseluruhan pengeluaran yang terlibat dalam aktiviti tanaman. Corak yang sama di tunjukkan seperti kuantiti pengeluaran dengan aktiviti penanaman kelapa sawit menyumbang 60.0 peratus atau 1,508,259.5 tan metrik, diikuti oleh aktiviti penanaman padi dengan 30.7 peratus (771,805.0 tan metrik) dan aktiviti penanaman buah-buahan menyumbang 3.1 peratus (77,603.1 tan metrik).

Carta 4: Kuantiti Jualan mengikut Aktiviti Subsektor Tanaman, Kedah, 2023




Kuala Muda merupakan daerah tertinggi dengan kuantiti jualan didominasi oleh aktiviti penanaman kelapa sawit (355,692.9 tan metrik) yang menyumbang hampir 86.0 peratus daripada jumlah keseluruhan subsektor tanaman. Ini diikuti oleh aktiviti penanaman padi 32,714.3 tan metrik (7.9%) dan aktiviti penanaman buah-buahan 11,875.0 tan metrik (2.9%)

Kulim merupakan daerah kedua tertinggi, dengan kuantiti jualan sebanyak 386,927.0 tan metrik. Nilai kuantiti jualan ini disumbangkan oleh aktiviti penanaman kelapa sawit sebanyak 373,133.5 tan metrik (96.4%), diikuti oleh aktiviti penanaman buah-buahan 5,563.7 tan metrik (1.4 %) dan aktiviti penanaman padi 3,574 .1 tan metrik (0.9%)

Daerah seterusnya yang menyumbang kepada kuantiti jualan tertinggi adalah Kubang Pasu (326,036.9 tan metrik), diikuti oleh daerah Baling (301,706.1 tan metrik) dan daerah Pendang (222,387.3 tan metrik).


**Paparan 11: Kuantiti Jualan bagi Lima (5) Daerah Pentadbiran Teratas,
Kedah, 2023**




5.6 NILAI JUALAN

Nilai jualan keseluruhan subsektor tanaman di Negeri Kedah adalah berjumlah RM4.08 bilion. Walaupun aktiviti padi mempunyai bilangan pegangan pertanian tertinggi di Kedah, namun hasil jualan melibatkan aktiviti penanaman kelapa sawit merupakan penyumbang tertinggi dengan nilai jualan sebanyak RM1.38 bilion, diikuti oleh aktiviti penanaman padi (RM1.1 bilion), aktiviti penanaman buah-buahan (RM1.0 bilion), aktiviti penanaman getah (RM0.35 bilion) dan aktiviti penanaman sayur-sayuran (RM0.17 bilion).

Carta 5: Nilai Jualan mengikut Subsektor Tanaman, Kedah, 2023



Carta 6: Nilai Jualan mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023



Daerah Kuala Muda mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu sebanyak RM640.06 juta. Ini diikuti oleh Kubang Pasu (RM476.18 juta), Kulim (RM444.30 juta), dan Baling (RM424.84 juta). Daerah Bandar Baharu dan Kota Setar turut menunjukkan sumbangan signifikan masing-masing iaitu RM 402.13 juta dan RM 389.03 juta.

Daerah lain yang menyumbang nilai jualan termasuklah Pendang (RM 382.22 juta), Yan (RM 309.91 juta), Padang Terap (RM 306.71 juta) dan Pokok Sena (RM92.43 juta). Sementara itu, Langkawi mencatatkan nilai jualan terendah iaitu RM44.10 juta.

Daerah Kuala Muda yang merekodkan nilai jualan tertinggi disumbangkan oleh aktiviti penanaman kelapa sawit dengan nilai RM 326.43 juta. Ini diikuti oleh aktiviti penanaman buah-buahan sebanyak RM 169.19 juta, dan aktiviti penanaman sayur-sayuran RM 80.67 juta

Bagi daerah nilai jualan kedua tertinggi di Kedah iaitu daerah Kubang Pasu, aktiviti penanaman padi mendominasi dengan nilai jualan berjumlah RM 326.81 juta, diikuti oleh aktiviti kelapa sawit (RM 58.73 juta), dan aktiviti getah (RM 42.51 juta).

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



SUBSEKTOR TERNAKAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong


6.0 SUBSEKTOR TERNAKAN

Subsektor ternakan di Kedah merangkumi pelbagai jenis ternakan yang memberikan sumbangan besar dalam menjana ekonomi setempat. Negeri Kedah mempunyai keluasan tanah pertanian yang luas serta sumber asli yang sesuai untuk pembangunan aktiviti ternakan seperti lembu, kerbau, kambing, ayam dan itik. Infrastruktur sokongan seperti ladang integrasi, pusat pembiakan, rumah sembelihan, serta program bantuan dan insentif kerajaan turut mendorong pertumbuhan subsektor ini. Secara keseluruhannya, subsektor ternakan negeri Kedah bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri malah menjadi pemangkin kepada kestabilan sekuriti makanan negara.

6.1 PEGANGAN PERTANIAN

Berdasarkan data yang diperoleh daripada Banci Pertanian 2024, jumlah keseluruhan pegangan pertanian ternakan di negeri Kedah adalah seramai 3,809 pegangan pertanian, yang merangkumi 3,615 (94.9%) pegangan pertanian individu dan 194 (5.1%) pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 12: Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan, Kedah, 2023




Daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian ternakan di negeri Kedah, Daerah Baling mencatatkan bilangan tertinggi iaitu seramai 654 pegangan pertanian, yang merangkumi 620 pegangan pertanian individu dan 34 pegangan pertanian pertubuhan. Daerah ini diikuti rapat oleh Sik dengan 549 pegangan pertanian, terdiri daripada 540 individu dan sembilan pertubuhan, serta Kubang Pasu yang merekodkan 485 pegangan pertanian, melibatkan 469 individu dan 16 pertubuhan. Sebaliknya, Langkawi mencatatkan jumlah pegangan pertanian paling rendah, iaitu hanya 119 pegangan pertanian, terdiri daripada 114 pegangan pertanian individu dan lima pertubuhan.

6.1.1 Profil Pegangan Individu

Daripada 3,615 pegangan pertanian individu bagi subsektor ternakan, penglibatan pegangan pertanian lelaki adalah paling tinggi, iaitu seramai 3,238 individu atau 89.6 peratus daripada keseluruhan. Dari segi etnik, pengusaha Bumiputera mendominasi dengan jumlah 3,429 individu (94.9%), menjadikannya kumpulan etnik utama dalam subsektor ini. Dari sudut kumpulan umur, pengusaha berumur antara 46 hingga 59 tahun mencatatkan bilangan tertinggi iaitu 1,303 individu (36.0%), diikuti oleh pengusaha berumur 60 tahun dan ke atas sebanyak 1,131 individu (31.3%). Manakala dari aspek pendidikan, sebanyak 2,161 pengusaha (59.8%) memiliki kelulusan tertinggi pada peringkat menengah, menjadikannya kumpulan pendidikan paling dominan dalam kalangan pengusaha ternakan.

Paparan 13: Profil Pegangan Pertanian Individu Subsektor Ternakan, Kedah, 2023




6.2 KUANTITI PENGELUARAN

i. Ternakan Hidup

Pada tahun 2023, jumlah keseluruhan pengeluaran ternakan hidup di Negeri Kedah direkodkan sebanyak 137.9 juta ekor. Pengeluaran ini melibatkan ternakan seperti lembu, kerbau, kambing, ayam, itik dan lain-lain. Daripada jumlah tersebut, Daerah Pendang muncul sebagai penyumbang tertinggi dengan pengeluaran sebanyak 43.7 juta ekor, mewakili 31.7 peratus daripada keseluruhan pengeluaran negeri. Daerah Kubang Pasu pula berada di kedudukan kedua dengan pengeluaran 35.8 juta ekor (26.0%), diikuti oleh Bandar Baharu yang mencatatkan 16.7 juta ekor (12.1%).

Kuala Muda dan Kulim turut menyumbang dengan jumlah yang signifikan iaitu masing-masing sebanyak 13.4 juta ekor (9.7%) dan 13.1 juta ekor (9.5%). Padang Terap menyumbang 8.1 juta ekor (5.8%), diikuti oleh Pokok Sena sebanyak 4.5 juta ekor (3.3%). Daerah selainnya iaitu Kota Setar, Sik, Yan dan Langkawi masing-masing menunjukkan sumbangan jumlah pengeluaran kurang daripada satu peratus. Langkawi mencatatkan jumlah pengeluaran terendah, iaitu hanya 1,819 ekor, menyumbang kurang daripada 0.01 peratus kepada jumlah keseluruhan negeri.

Carta 7: Kuantiti Pengeluaran Ternakan Hidup (Ekor) mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023




ii. Telur Ayam/Itik

Jumlah keseluruhan pengeluaran bagi telur ayam/itik di Kedah pada tahun 2023 direkodkan sebanyak 351.1 juta biji. Daripada jumlah ini, Daerah Kulim muncul sebagai penyumbang utama, dengan pengeluaran mencecah 240.8 juta biji, bersamaan 68.6 peratus daripada keseluruhan pengeluaran negeri. Kuala Muda mencatatkan jumlah pengeluaran kedua tertinggi dengan 58.9 juta biji (16.8%), diikuti oleh Bandar Baharu dengan 38.5 juta biji (11.0%). Sementara itu, Pendang turut menunjukkan sumbangan yang signifikan dengan 9.5 juta biji (2.7%).

Sebaliknya, lapan (8) daerah lain mencatatkan jumlah pengeluaran biji yang sangat kecil berbanding jumlah keseluruhan negeri dengan masing-masing menunjukkan peratusan kurang daripada satu peratus.

Carta 8: Kuantiti Pengeluaran Telur Ayam/Itik mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023




iii. Lain-lain hasilan

Jumlah keseluruhan pengeluaran ternakan bagi lain-lain hasilan di Kedah ialah sebanyak 29,658 kg pada tahun 2023. Daripada jumlah ini, Daerah Kota Setar mencatatkan pengeluaran tertinggi iaitu 13,447 kg, bersamaan 45.3 peratus daripada keseluruhan pengeluaran negeri. Ini diikuti oleh Kuala Muda dengan 6,122 kg (20.6%) dan Kubang Pasu sebanyak 3,349 kg (11.3%).

Ketiga-tiga daerah ini telah mencatatkan peratusan pengeluaran melebihi 80 peratus di peringkat negeri Kedah.

Carta 9: Kuantiti Pengeluaran Lain- lain hasilan (Kg) mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023




iv. Susu Segar

Jumlah keseluruhan pengeluaran susu segar di Kedah ialah sebanyak 831,016 liter. Daerah Pendang mencatatkan pengeluaran tertinggi, iaitu sebanyak 376,702 liter, menyumbang 45.3 peratus daripada jumlah keseluruhan pengeluaran. Ini diikuti oleh Yan yang merekodkan 268,350 liter (32.3%), menjadikan kedua-dua daerah ini sebagai penyumbang utama pengeluaran susu segar di Kedah.

Seterusnya diikuti oleh Kuala Muda menyumbang 79,422 liter (9.6%), Kubang Pasu dengan jumlah 75,821 liter (9.1%), Padang Terap menyumbang 13,500 liter (1.6%) dan Kulim dengan 10,800 liter (1.3%). Daerah lain seperti Sik, Pokok Sena dan Baling mencatatkan peratusan pengeluaran terendah masing-masing kurang daripada satu peratus.

Carta 10: Kuantiti Pengeluaran Susu Segar (L) mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023




6.3 KUANTITI JUALAN

i. Ternakan Hidup

Jumlah keseluruhan kuantiti jualan ternakan hidup di Kedah direkodkan sebanyak 135.5 juta ekor merangkumi 98.2 peratus berbanding jumlah keseluruhan kuantiti pengeluaran. Corak yang sama di tunjukkan seperti kuantiti pengeluaran iaitu Daerah Pendang mencatatkan jumlah jualan tertinggi, iaitu 42.2 juta ekor, mewakili 31.2 peratus daripada keseluruhan jualan negeri. Ini diikuti oleh Daerah Kubang Pasu dengan 35.5 juta ekor (26.2%) dan Bandar Baharu dengan 16.5 juta ekor (12.1%).

Kuala Muda dan Kulim masing-masing menyumbang 13.1 juta ekor (9.7%) dan 13.0 juta ekor (9.6%), hasil penglibatan aktif daripada pertubuhan besar di kedua-dua daerah tersebut. Padang Terap pula menyumbang sebanyak 8.0 juta ekor (5.9%), diikuti oleh Pokok Sena dengan 4.5 juta ekor (3.3%). Daerah selainnya iaitu Baling, Kota Setar, Sik, Yan dan Langkawi masing-masing menunjukkan sumbangan kuantiti jualan kurang daripada satu peratus. Langkawi merekodkan kuantiti jualan terendah dengan hanya 1,277 ekor, iaitu kurang daripada 0.01 peratus daripada jumlah keseluruhan jualan.

Carta 11: Kuantiti Jualan Ternakan Hidup (Ekor) mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023




ii. Telur Ayam/Itik

Jumlah keseluruhan kuantiti jualan ternakan telur ayam/itik di Kedah adalah sebanyak 348.3 juta biji. Daerah Kulim kekal sebagai penyumbang tertinggi, dengan jumlah jualan sebanyak 239.3 juta biji telur, bersamaan 68.7 peratus.

Kuala Muda mencatatkan jualan kedua tertinggi dengan kuantiti jualan mencecah 58.0 juta biji (16.6%), diikuti oleh Bandar Baharu sebanyak 38.5 juta biji (11.0%) dan Pendang sebanyak 9.2 juta biji (2.6%). Daerah lain masing-masing menunjukkan sumbangan kurang daripada satu peratus.

Carta 12: Kuantiti Jualan Telur Ayam/Itik mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023




iii. Lain-lain hasilan

Jumlah keseluruhan kuantiti jualan lain-lain hasilan di Kedah direkodkan sebanyak 27,772 kg. Daripada jumlah ini, Daerah Kota Setar mencatatkan jualan tertinggi, iaitu sebanyak 12,847 kg, mewakili 46.3 peratus daripada keseluruhan negeri. Ini diikuti oleh Kuala Muda dengan jualan sebanyak 6,039 kg (21.7%) dan Kubang Pasu yang menyumbang 3,324 kg (12.0%).

Sama seperti kuantiti pengeluaran, ketiga-tiga daerah ini telah mencatatkan peratusan kuantiti jualan 80 peratus di peringkat negeri Kedah.

Carta 13: Kuantiti Jualan Lain-lain hasilan (Kg) mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023




iv. Susu Segar

Jumlah keseluruhan kuantiti jualan susu segar di Kedah direkodkan sebanyak 786,876 liter. Daerah Pendang mencatatkan jumlah jualan tertinggi, iaitu sebanyak 347,502 liter, bersamaan 44.2 peratus daripada keseluruhan negeri. Daerah Yan merupakan penyumbang kedua terbesar, dengan jumlah jualan sebanyak 260,144 liter (33.1%), diikuti oleh Kuala Muda dengan 79,024 liter (10.0%).

Seterusnya, Kubang Pasu mencatatkan 75,721 liter (9.6%), Padang Terap sebanyak 9,700 liter (1.2%), Kulim menyumbang 8,424 liter (1.1%), Sik sebanyak 4,500 liter (0.6%), Pokok Sena sebanyak 1,501 liter (0.2%) dan Baling mencatatkan jumlah jualan terendah iaitu hanya 360 liter (0.0%).

Carta 14: Kuantiti Jualan Susu Segar (L) mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023




6.4 NILAI JUALAN

Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, jumlah keseluruhan nilai jualan ternakan bagi Negeri Kedah yang direkodkan adalah sebanyak RM1.74 bilion. Daripada jumlah tersebut, Daerah Kubang Pasu mencatatkan nilai jualan tertinggi, iaitu sebanyak RM480.68 juta, bersamaan 27.7 peratus daripada keseluruhan nilai jualan negeri. Ini diikuti oleh Kulim dengan RM271.37 juta (15.6%), Kuala Muda sebanyak RM256.89 juta (14.8%), Bandar Baharu sebanyak RM254.94 juta (14.7%), dan Padang Terap dengan RM 174.47 juta (10.0%). Daerah lain masing-masing menunjukkan sumbangan peratusan nilai jualan kurang daripada sepuluh peratus dengan Langkawi penyumbang terendah iaitu RM 1.49 juta (0.1%).

Secara keseluruhan, enam daerah utama iaitu Kubang Pasu, Kulim, Kuala Muda, Bandar Baharu, dan Padang Terap telah menyumbang 83.0 peratus daripada keseluruhan nilai jualan negeri, mencerminkan penumpuan yang sangat tinggi terhadap kawasan yang mempunyai infrastruktur penternakan komersial berskala besar.

Carta 15: Nilai Jualan (RM) Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



SUBSEKTOR PERIKANAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

7.0 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Negeri Kedah merupakan antara negeri pesisir yang aktif dalam subsektor perikanan, khususnya di kawasan seperti Kuala Kedah, Yan, Kuala Muda dan perairan sekitar Langkawi. Dengan kedudukan geografi yang strategik serta komuniti nelayan yang berpengalaman, perikanan laut dalam dan pesisir pantai menjadi penyumbang penting kepada ekonomi negeri dan sumber makanan negara.

7.1 PEGANGAN PERTANIAN

Berdasarkan data yang diperoleh daripada Banci Pertanian 2024, jumlah keseluruhan pegangan pertanian perikanan tangkapan di negeri Kedah adalah seramai 4,314 pengusaha, yang merangkumi 4,264 (98.8%) pegangan pertanian individu dan 50 (1.2%) pegangan pertanian pertubuhan. Ini menunjukkan penglibatan aktif rakyat negeri Kedah dalam bidang perikanan tangkapan, terutamanya di peringkat pegangan pertanian individu.

Paparan 14: Pegangan Pertanian Subsektor Perikanan Tangkapan, Kedah, 2023




Daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian perikanan tangkapan di negeri Kedah, Langkawi mencatatkan bilangan tertinggi iaitu seramai 1,562 pegangan pertanian, yang merangkumi 1,541 pegangan pertanian individu dan 21 pegangan pertanian pertubuhan. Ini diikuti oleh Kuala Muda dengan 858 pegangan pertanian, terdiri daripada 850 pegangan pertanian individu dan lapan pegangan pertubuhan, serta Kota Setar yang merekodkan 846 pegangan pertanian, melibatkan 825 pegangan pertanian individu dan 21 pegangan pertanian pertubuhan. Daerah Pokok Sena mencatatkan jumlah pegangan pertanian paling rendah, iaitu hanya lima pegangan pertanian yang kesemuanya merupakan pegangan pertanian individu.

7.1.1 Profil Pegangan Individu

Daripada 4,264 pegangan pertanian individu bagi subsektor perikanan tangkapan, pengusaha lelaki mencatatkan penglibatan tertinggi, iaitu seramai 4,187 individu atau 98.2 peratus, manakala pengusaha perempuan hanya mencatatkan 77 individu (1.8%). Dari segi etnik, pengusaha Bumiputera mendominasi subsektor ini dengan 3,803 individu (89.2%), diikuti oleh pengusaha Cina sebanyak 459 individu (10.8%), dan India hanya 2 individu (0.05%). Bagi kumpulan umur, pengusaha berumur 60 tahun dan ke atas mencatatkan bilangan tertinggi iaitu 1,792 individu (42.0%), diikuti oleh kumpulan umur 46 hingga 59 tahun sebanyak 1,379 individu (32.3%). Dari aspek pendidikan, majoriti pengusaha tidak memiliki sijil akademik, iaitu seramai 2,280 individu (53.5%), manakala 1,123 individu (26.3%) memiliki pendidikan rendah. Hanya 23 individu (0.5%) mempunyai kelulusan tertiar.


Paparan 15: Profil Pegangan Pertanian Individu Subsektor Perikanan, Kedah, 2023



7.2 KUANTITI PENGELUARAN

Secara keseluruhan, aktiviti perikanan tangkapan di Kedah mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 129,448 tan metrik. Sebahagian besar pengeluaran ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu sebanyak 125,238 tan metrik, bersamaan 96.7 peratus, diikuti oleh pegangan pertanian pertubuhan dengan 4,210 tan metrik (3.3%). Angka ini jelas memperlihatkan kepentingan kedua-dua kategori pegangan pertanian dalam menjana hasil perikanan, khususnya sumbangan besar daripada pengoperasian berskala individu.

Paparan 16: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian, Kedah, 2023




Daripada keseluruhan kuantiti pengeluaran perikanan di negeri Kedah, daerah Langkawi mendominasi dengan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 65,913 tan metrik bersamaan 50.92 peratus diikuti oleh Kota Setar (31.45%), Yan (8.96%) dan Kuala Muda (5.21%). Daerah lain tidak menunjukkan peratusan sumbangan yang tinggi berikutan faktor geografi daerah tersebut yang jauh daripada lautan.

Paparan 17: Kuantiti Pengeluaran Perikanan Mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023

Daerah Pentadbiran	Kuantiti (Tan Metrik)	Peratus (%)
Langkawi	65,913.2	50.9
Kota Setar	40,713.2	31.5
Yan	11,598.5	9.0
Kuala Muda	6,745.7	5.2
Kubang Pasu	4,014.4	3.1
Sik	213.1	0.2
Pokok Sena	89.4	0.1
Pendang	89.0	0.1
Kulim	35.0	0.0
Bandar Baharu	29.8	0.0
Padang Terap	4.1	0.0
Baling	1.9	0.0

7.3 KUANTITI JUALAN

Paparan 18: Kuantiti Jualan Subsektor Perikanan mengikut Zon, Kedah, 2023



Kuantiti pengeluaran perikanan di Kedah menunjukkan 99.9 peratus adalah untuk jualan dan selebihnya untuk kegunaan sendiri atau diproses. Zon Laut mencatatkan jumlah jualan tertinggi sebanyak 128,899 tan metrik, berbanding Zon Darat yang merekodkan 443 tan metrik sahaja.


Antara daerah yang menjadi penyumbang utama kepada nilai jualan perikanan negeri ialah Langkawi dan Kota Setar, masing-masing mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 65,832 tan metrik dan 40,701 tan metrik, yang secara gabungan menyumbang 82.4 peratus daripada keseluruhan kuantiti jualan perikanan di Kedah.

Paparan 19: Kuantiti Jualan Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023

Daerah Pentadbiran	Kuantiti (Tan Metrik)	Peratus (%)
Langkawi	65,831.8	50.9
Kota Setar	40,700.7	31.5
Yan	11,598.5	9.0
Kuala Muda	6,735.7	5.2
Kubang Pasu	4,013.4	3.1
Sik	213.1	0.2
Pendang	89.0	0.1
Pokok Sena	89.3	0.1
Kulim	35.0	0.0
Bandar Baharu	29.8	0.0
Padang Terap	4.1	0.0
Baling	1.9	0.0

7.4 NILAI JUALAN

Paparan 20: Nilai Jualan Subsektor Perikanan mengikut Zon, Kedah, 2023



Zon Laut merekodkan nilai jualan sebanyak RM 1,513.28 juta dan Zon Darat RM 6.75 juta. Dari segi peratusan, Zon Laut menyumbang sebanyak 99.6 peratus, manakala Zon Darat sebanyak 0.4 peratus sahaja.

Paparan 21: Nilai Jualan Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023

Daerah Pentadbiran	Hasil (RM Juta)	Peratus (%)
Langkawi	765.60	50.4
Kota Setar	467.83	30.8
Yan	149.60	9.8
Kuala Muda	71.74	4.7
Kubang Pasu	59.17	3.9
Sik	3.46	0.2
Pendang	1.02	0.1
Bandar Baharu	0.54	0.0
Pokok Sena	0.54	0.0
Kulim	0.45	0.0
Padang Terap	0.06	0.0
Baling	0.02	0.0

Langkawi dan Kota Setar merupakan penyumbang utama kepada hasil jualan perikanan di negeri Kedah, iaitu masing-masing sebanyak RM765.60 juta dan RM467,83 juta atau bersamaan 81.1 peratus daripada keseluruhan nilai jualan perikanan.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong


8.0 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Aktiviti akuakultur merupakan satu cabang penting dalam subsektor perikanan yang melibatkan pembiakan, penternakan dan penangkapan organisma akuatik seperti ikan, udang, kerang dan rumpai laut di persekitaran yang terkawal. Aktiviti akuakultur dijalankan di pelbagai medium seperti kolam, sangkar, tasik, dan kawasan laut terbuka. Pendekatan berteraskan teknologi moden dan amalan ternakan mampan turut ditekankan bagi memastikan pembangunan subsektor ini terus berkembang secara lestari.

8.1 PEGANGAN PERTANIAN

Akuakultur merekodkan 631 pegangan pertanian yang terdiri daripada 470 pegangan pertanian individu dan 161 pegangan pertanian pertubuhan terlibat dalam aktiviti akuakultur. Daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian akuakultur di negeri Kedah, Kuala Muda mencatatkan bilangan tertinggi iaitu seramai 234 pegangan pertanian, yang merangkumi 144 pegangan pertanian individu dan 90 pegangan pertanian pertubuhan. Kubang Pasu mempunyai pegangan pertanian kedua tertinggi dengan 66 pegangan pertanian, terdiri daripada 53 pegangan pertanian individu dan 13 pegangan pertanian pertubuhan, serta diikuti daerah Baling yang merekodkan 62 pegangan pertanian, melibatkan 56 pegangan pertanian individu dan enam pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 22: Pegangan Pertanian Subsektor Akuakultur, Kedah, 2023




8.1.1 Profil Pegangan Individu

Daripada 470 pegangan pertanian individu bagi subsektor akuakultur, penglibatan pengusaha lelaki adalah paling tinggi, iaitu seramai 441 individu atau 93.8 peratus, manakala pengusaha perempuan hanya 29 individu (6.2%). Semua pengusaha merupakan warganegara Malaysia.

Dari segi kumpulan etnik, pengusaha Bumiputera merupakan majoriti dengan 408 individu (86.8%), diikuti oleh pengusaha Cina sebanyak 52 individu (11.1%), manakala India dan Lain-lain masing-masing hanya mewakili kurang daripada 2 peratus. Mengikut kumpulan umur, pengusaha berumur 60 tahun dan ke atas mencatatkan bilangan tertinggi iaitu 165 individu (35.1%), diikuti oleh kumpulan umur 46 hingga 59 tahun dengan 141 individu (30.0%). Dari aspek pendidikan, sebanyak 318 pengusaha (67.7%) memiliki kelulusan tertinggi pada peringkat menengah, menjadikannya kumpulan pendidikan paling dominan. Sementara itu, hanya 41 pengusaha (8.7%) mempunyai kelulusan tertiar, dan 45 individu (9.6%) tidak memiliki sijil.

Paparan 23: Profil Pegangan Pertanian Individu Subsektor Akuakultur, Kedah, 2023



8.2 KUANTITI PENGELUARAN

Akuakultur air payau dan air tawar merekodkan jumlah kuantiti pengeluaran sebanyak 20,067.3 tan metrik dengan pegangan pertanian individu mencatatkan sebanyak 3,573.7 tan metrik (17.8%) dan pegangan pertanian pertubuhan sebanyak 16,493.5 tan metrik (82.2%). Manakala, bagi akuakultur baka & benih serta ikan hiasan merekodkan jumlah keseluruhan kuantiti pengeluaran sebanyak 83.6 juta ekor dengan pegangan pertanian individu sebanyak 1.7 juta ekor (2.1%) dan pegangan pertanian pertubuhan sebanyak 81.9 juta (97.9%).

Paparan 24: Kuantiti Pengeluaran Aktiviti Akuakultur mengikut Kategori, Kedah, 2023



Lima daerah yang mencatatkan kuantiti pengeluaran dalam tan metrik bagi akuakultur air payau dan air tawar didahului dengan daerah Kuala Muda yang mencatatkan jumlah pengeluaran tertinggi sebanyak 11,679.5 tan metrik (58.2%). Kubang Pasu merekodkan kuantiti pengeluaran kedua terbanyak iaitu 3,795.4 tan metrik (18.9%). Kota Setar pula berada di tempat ketiga dengan jumlah pengeluaran 1,040.5 tan metrik (5.2%). Langkawi mencatatkan pengeluaran sebanyak 896.8 tan metrik (4.5%), diikuti oleh Baling yang merekodkan jumlah 608.2 tan metrik (3.0%).

Manakala lima daerah yang mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi dalam unit ukuran ekor bagi akuakultur baka & benih dan ikan hiasan juga didahului dengan daerah Kuala Muda yang mencatatkan jumlah pengeluaran yang paling tinggi sebanyak 40.3 juta ekor (48.4%) diikuti oleh daerah Kubang Pasu yang mencatatkan jumlah pengeluaran kedua tertinggi dengan jumlah 39.7 juta ekor (47.5%). Sementara itu, daerah Kulim merekodkan pengeluaran ketiga tertinggi iaitu 1.9 juta ekor (2.3%) diikuti daerah Sik, sebanyak 1.5 juta ekor (1.8%) berada di tempat keempat dan Kota Setar dikedudukan kelima tertinggi dengan catatan jumlah pengeluaran sebanyak 63,532 ekor (0.08%).


Paparan 25: Kuantiti Pengeluaran Akuakultur bagi Lima Daerah Pentadbiran Teratas, Kedah, 2023

Air Payau dan Air Tawar			Baka & Benih dan Ikan Hiasan		
		(Tan Metrik)			(Ekor)
1	Kuala Muda	11,679.5	1	Kuala Muda	40,307,081
2	Kubang Pasu	3,795.4	2	Kubang Pasu	39,719,790
3	Kota Setar	1,040.5	3	Kulim	1,946,517
4	Langkawi	896.8	4	Sik	1,506,010
5	Baling	608.2	5	Kota Setar	63,532

8.3 KUANTITI JUALAN

Subsektor akuakultur di Kedah merekodkan kuantiti jualan bagi akuakultur air payau dan air tawar berjumlah 18,701.3 tan metrik dengan pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak 3,325.1 tan metrik (17.8%) dan pegangan pertanian pertubuhan sejumlah 15,376.2 tan metrik (82.2%). Manakala, bagi akuakultur baka & benih serta ikan hiasan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 71.6 juta ekor dengan pegangan pertanian individu 1.6 juta (2.2%) dan pegangan pertanian pertubuhan 70.0 juta ekor (97.8%).

Paparan 26: Kuantiti Jualan Aktiviti Akuakultur mengikut Kategori, Kedah, 2023



Kuantiti jualan subsektor akuakultur bagi air payau dan air tawar yang mencatatkan lima daerah teratas adalah Kuala Muda yang mendahului dengan kuantiti jualan tertinggi iaitu 10,612.9 tan metrik (56.8%). Daerah Kubang Pasu berada di kedudukan kedua dengan jumlah jualan sebanyak 3,741.9 tan metrik (20.0%), diikuti oleh Kota Setar yang merekodkan 1,027.5 tan metrik (5.5%). Manakala, daerah Langkawi dan Baling masing-masing mencatatkan jumlah jualan sebanyak 854.8 tan metrik (4.6%) dan 539.2 tan metrik (2.9%) pada kedudukan keempat dan kelima tertinggi.

Paparan 27: Kuantiti Pengeluaran dan Kuantiti Jualan (Tan Metrik) bagi Akuakultur Air Payau dan Air Tawar mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023

Daerah Pentadbiran	Kuantiti Pengeluaran (%)		Kuantiti Jualan (%)	
Kuala Muda	11,679.5	58.2	10,612.9	56.8
Kubang Pasu	3,795.4	18.9	3,741.9	20.0
Kota Setar	1,040.5	5.2	1,027.5	5.5
Langkawi	896.8	4.5	854.8	4.6
Baling	608.2	3.0	539.2	2.9
Kulim	406.0	2.0	398.5	2.1
Bandar Baharu	371.7	1.9	340.9	1.8
Padang Terap	345.6	1.7	321.4	1.7
Yan	341.5	1.7	326.1	1.7
Sik	275.2	1.4	261.4	1.4
Pandang	244.6	1.2	216.8	1.2
Pokok Sena	62.4	0.3	59.9	0.3

Bagi akuakultur baka & benih dan ikan hiasan, daerah Kuala Muda sekali lagi mengungguli senarai dengan kuantiti jualan sebanyak 40.3 juta ekor (56.2%). Daerah Kubang Pasu mencatatkan kuantiti jualan kedua tertinggi dengan 27.9 juta ekor (39.0%) diikuti daerah Kulim dengan 1.8 juta ekor (2.6%). Daerah Sik pula merekodkan kuantiti jualan sebanyak 1.4 juta ekor (1.9%) pada kedudukan keempat dan kelima adalah daerah Kota Setar dengan 63.5 ribu ekor (0.09%).

Paparan 28: Kuantiti Pengeluaran dan Kuantiti Jualan (Ekor) bagi Akuakultur Baka & Benih dan Ikan Hiasan mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023


Daerah Pentadbiran	Kuantiti Pengeluaran	(%)	Kuantiti Jualan	(%)
Kuala Muda	40,307,081	48.2	40,276,719	56.2
Kubang Pasu	39,719,790	47.5	27,925,295	39.0
Kulim	1,946,517	2.3	1,882,610	2.6
Sik	1,506,010	1.8	1,417,994	2.0
Kota Setar	63,532	0.1	63,451	0.1
Pendang	35,105	0.0	34,641	0.1
Baling	3,950	0.0	3,950	0.0
Padang Terap	3,590	0.0	3,590	0.0
Bandar Baharu	2,675	0.0	2,668	0.0
Yan	660	0.0	660	0.0
Langkawi	100	0.0	80	0.0
Pokok Sena	20	0.0	20	0.0

8.4 NILAI JUALAN

Nilai jualan keseluruhan sektor Akuakultur di Kedah adalah berjumlah RM311.14 juta dengan RM49.14 juta disumbangkan oleh pegangan pertanian individu dan RM262.0 juta oleh pegangan pertanian pertubuhan.

Pada tahun 2023, lima daerah teratas dalam nilai jualan didahului oleh Kuala Muda dengan catatan jumlah sebanyak RM179.27 juta. Di tempat kedua ialah Kubang Pasu dengan nilai jualan sebanyak RM79.26 juta. Daerah Langkawi berada di kedudukan ketiga dengan RM16.80 juta, diikuti oleh Kota Setar yang mencatatkan nilai sebanyak RM11.46 juta. Sementara itu, daerah Yan melengkapkan senarai kelima daerah teratas dengan nilai jualan sebanyak RM6.67 juta.

Carta 16: Nilai Jualan (RM) Bagi Subsektor Akuakultur mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong


9.0 SUBSEKTOR PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Subsektor Perhutanan & pembalakan merupakan salah satu komponen penting dalam subsektor pertanian yang menyumbang kepada ekonomi negara melalui hasil hutan seperti kayu balak, kayu bergergaji, rotan, damar dan pelbagai hasil bukan kayu. Aktiviti utama dalam subsektor ini melibatkan pengurusan hutan secara lestari, pengeluaran kayu balak, penanaman semula hutan serta pembangunan industri berasaskan kayu. Di samping menjana pendapatan, subsektor ini juga memainkan peranan penting dalam pemeliharaan biodiversiti, pengawalan iklim serta penyediaan habitat flora dan fauna.

9.1 PEGANGAN PERTANIAN

Perhutanan & pembalakan merekodkan 158 pegangan pertanian yang terdiri daripada 59 pegangan individu dan 99 pegangan pertubuhan.


Paparan 29: Pegangan Pertanian, Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kedah, 2023



9.1.1 Profil Pegangan Individu

Daripada 59 pegangan pertanian individu bagi subsektor perhutanan dan pembalakan, penglibatan pengusaha lelaki adalah yang paling tinggi, iaitu seramai 50 individu atau 84.7 peratus, manakala pengusaha perempuan hanya 9 individu (15.3%). Semua pengusaha terdiri daripada warganegara Malaysia, dan 100 peratus merupakan Bumiputera. Mengikut kumpulan umur, bilangan tertinggi dicatatkan dalam kalangan pengusaha berumur 31 hingga 45 tahun, iaitu 29 individu (49.2%), diikuti oleh kumpulan 46 hingga 59 tahun sebanyak 23 individu (39.0%). Dari aspek pendidikan, majoriti pengusaha dalam subsektor ini mempunyai pendidikan rendah (22 individu, 37.3%) dan tiada sijil (21 individu, 35.6%), manakala tiada pengusaha yang memiliki kelulusan tertiar direkodkan.

Paparan 30: Profil Pegangan Pertanian Individu Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kedah, 2023



9.2 KUANTITI PENGELUARAN

Pada tahun 2023, pengeluaran aktiviti perhutanan bukan kayu mencatatkan sejumlah 36,821 kilogram oleh pegangan pertanian individu, manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 48,392.9 kilogram. Secara keseluruhan, jumlah pengeluaran aktiviti ini adalah 85,213.9 kilogram. Bagi aktiviti pembalakan pula, sebanyak 427,618.3 meter padu telah dihasilkan sepenuhnya oleh pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 31: Kuantiti Pengeluaran, Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kedah, 2023



9.3 KUANTITI JUALAN

Aktiviti hasil hutan bukan kayu mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 68,179.9 kilogram manakala aktiviti pembalakan merekodkan sejumlah 427,618.3 meter padu. Kuantiti jualan hasil hutan bukan kayu oleh pegangan pertanian individu mencapai 19,787.0 kilogram dan pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jualan 48,392.9 kilogram.

Bagi aktiviti hasil hutan bukan kayu mengikut daerah, Kota Setar menyumbang kuantiti jualan tertinggi iaitu 45,650.0 kilogram (66.6%), diikuti Kuala Muda berjumlah 6,496.7 kilogram (9.5%) dan Baling mencecah 6,112.3 kilogram (8.9%).

Jadual 2: Kuantiti Jualan Pegangan Pertanian Individu dan Pertubuhan bagi Aktiviti Hasil Hutan Bukan Kayu mengikut Daerah Pentadbiran, Kedah, 2023

Daerah Pentadbiran	Kuantiti Jualan (Kilogram)		
	Individu	Pertubuhan	Jumlah
Kota Setar	-	45,650.0	45,650.0
Kuala Muda	3,753.8	2,742.9	6,496.7
Baling	6,112.3	-	6,112.3
Sik	5,840.8	-	5,840.8
Kubang Pasu	2,457.1	-	2,457.1
Pokok Sena	888.0	-	888.0
Pendang	625.0	-	625.0
Padang Terap	80.0	-	80.0
Langkawi	30.0	-	30.0
Jumlah	19,787.0	48,392.9	68,179.9

9.4 NILAI JUALAN

Nilai jualan hasil hutan bukan kayu menyumbang sebanyak RM522.84 ribu, manakala aktiviti pembalakan menjana RM225.70 juta. Secara keseluruhannya, subsektor Perhutanan dan pembalakan telah menyumbang RM226.22 juta kepada hasil negeri Kedah.



AKTIVITI UTAMA MENGIKUT DAERAH

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

10.0 AKTIVITI PERTANIAN DAERAH BALING

Daerah Baling merupakan daerah kelima teratas bilangan penduduk di Negeri Kedah iaitu seramai 146,600 orang dan merupakan daerah yang kedua terbesar di negeri Kedah dengan keluasan 1,530 km persegi. Dari segi komposisi etnik, majoriti penduduk Baling didominasi oleh Bumiputera sebanyak 92.5 peratus, diikuti oleh Cina (2.8%), India (3.1%) dan Lain-lain (1.6%). Kadar pertumbuhan penduduk bagi daerah ini adalah 0.9 peratus.

Baling bersempadan dengan Negara Thailand serta negeri Perak di sebelah timur, bersempadan dengan daerah Sik dan Kuala Muda disebelah Barat manakala daerah Kulim di sebelah selatan. Baling mempunyai kawasan tanah pamah yang luas dan kekayaan alam semula jadi seperti bukit-bukau dan gunung-ganang. Pelbagai subsektor tanaman dapat dilaksanakan di daerah ini kerana kesuburan tanahnya yang sesuai untuk aktiviti pertanian.

Aktiviti tanaman utama komoditi di daerah Baling adalah tanaman getah dan kelapa sawit di mana daerah Baling menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi luar bandar, meningkatkan peluang pekerjaan dan menyokong sektor pertanian negeri Kedah secara keseluruhan.

Komuniti Orang Asli di daerah Baling memainkan peranan penting dalam aktiviti perhutanan yang menjadi sebahagian daripada cara hidup mereka sejak turun-temurun. Aktiviti ini bukan sahaja menjadi sumber pendapatan dan keperluan harian, malah turut menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar dan warisan budaya.

Antara aktiviti utama yang dijalankan oleh masyarakat Orang Asli termasuklah pengumpulan hasil hutan bukan kayu seperti rotan, buluh, madu hutan dan herba tradisional seperti tongkat ali serta kacip fatimah. Hasil-hasil ini digunakan untuk kegunaan sendiri atau dijual di pasar tempatan bagi menampung keperluan hidup. Aktiviti ini dijalankan secara lestari tanpa merosakkan ekosistem hutan.

10.1 SUBSEKTOR TANAMAN

Baling turut menonjol dalam subsektor tanaman dengan penyertaan aktif pengusaha tempatan dalam pelbagai jenis tanaman. Pengusaha getah iaitu seramai 11,186 merekodkan bilangan tertinggi daripada 13,225 pegangan pertanian subsektor tanaman di Baling. Ini diikuti oleh pegangan pertanian kelapa sawit sejumlah 1,260, manakala tanaman buah-buahan direkodkan sebanyak 598 pegangan pertanian.

Jumlah keluasan bertanam di Baling pada tahun 2023 adalah seluas 30,117.6 hektar. Daripada jumlah tersebut, 18,274.2 hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 11,843.4 hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 25,622.8 hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan jumlah 16,177.6 hektar.

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Baling mencatatkan 305,038.4 tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu sebanyak 271,510.1 tan metrik, menyumbang 89.0 peratus daripada keseluruhan pengeluaran tanaman di daerah ini. Tanaman buah-buahan berada di tempat kedua dengan pengeluaran sebanyak 12,285.6 tan metrik (4.0%), diikuti oleh tanaman getah sebanyak 7,529.6 tan metrik dan tanaman padi sebanyak 6,959.1 tan metrik.

Nilai jualan subsektor tanaman di Baling mencatatkan RM424.84 juta dengan nilai jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu sebanyak RM251.46 juta, menyumbang 59.2 peratus daripada keseluruhan nilai jualan di daerah ini. Tanaman buah-buahan berada di tempat kedua dengan nilai jualan sebanyak RM109.58 juta (25.8%), diikuti oleh getah iaitu sejumlah RM36.84 juta.

Paparan 32: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Baling, 2023

Subsektor Tanaman



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Keluasan Bertanam
(Ha)

30,117.6

18,274.2

11,843.4



Keluasan Bertuai
(Ha)

25,622.8

16,177.6

9,445.2



Kuantiti Pengeluaran
(Tan Metrik)

305,038.4

99,815.4

205,223.0



Kuantiti Jualan
(Tan Metrik)

301,705.7

96,527.7

205,178.0



Nilai Jualan
(RM Juta)

424.84

159.28

265.56

10.2 SUBSEKTOR TERNAKAN

Terdapat seramai 620 (94.8%) pegangan pertanian individu dan 34 (5.2%) pegangan pertanian pertubuhan di daerah Baling dengan jumlah keseluruhan seramai 654 pegangan pertanian.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Baling adalah sebanyak 1.26 juta ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 1.23 juta ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 2.83 juta biji telur, 361 liter susu segar dan 1,387 kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Manakala, kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 2.82 juta biji telur, 360 liter susu dan 941 kilogram hasilan ternakan lain.

Nilai jualan subsektor ternakan di Baling mencatatkan sebanyak RM27.57 juta, dengan sumbangan tertinggi adalah daripada nilai jualan pertubuhan iaitu RM20.58 juta, manakala nilai jualan individu berjumlah RM6.99 juta.

Paparan 33: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Baling, 2023

Subsektor Ternakan



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Kuantiti Pengeluaran

i. Kilogram

1,387.0

695.0

692.0

ii. Biji

2,837,089

116,862

2,720,227

iii. Ekor

1,267,802

27,044

1,240,758

iv. Liter

361.0

361.0

-



Kuantiti Jualan

i. Kilogram

941.0

376.0

565.0

ii. Biji

2,818,526

104,078

2,714,448

iii. Ekor

1,231,067

18,512

1,212,555

iv. Liter

360.0

360.0

-



Nilai Jualan
(RM Juta)

27.57

6.99

20.58

10.3 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Subsektor perikanan tangkapan di Baling mencatatkan seramai tujuh pegangan pertanian di mana kesemua pegangan terdiri daripada pegangan pertanian individu.

Aktiviti perikanan tangkapan di Baling mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 2.0 tan metrik, dengan keseluruhan hasil tersebut dijual, menjadikan kuantiti jualan juga sebanyak 2.0 tan metrik. Nilai jualan yang direkodkan bagi subsektor ini ialah RM20,493, menunjukkan sumbangan berskala kecil namun tetap signifikan dalam konteks ekonomi setempat.

Paparan 34: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Baling, 2023

Subsektor Perikanan Tangkapan			
	 Pegangan Pertanian	 Individu	 Pertubuhan
 Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	2.0	2.0	-
 Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	2.0	2.0	-
 Nilai Jualan (RM)	20,493.0	20,493.0	-

10.4 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Baling menunjukkan perkembangan yang positif dan berpotensi tinggi dalam menyumbang kepada ekonomi setempat serta kelestarian sumber makanan negara. Aktiviti akuakultur di Baling mencatatkan sebanyak 62 pegangan pertanian, terdiri daripada 56 pegangan pertanian individu dan 6 enam pegangan pertanian pertubuhan. Dari segi pengeluaran, sebanyak 608.2 tan metrik direkodkan bagi aktiviti air tawar dan air payau, manakala sebanyak 3,950 ekor melibatkan pengeluaran baka & benih serta ikan hiasan.

Bagi kuantiti jualan pula, sebanyak 539.2 tan metrik telah dijual bagi aktiviti air tawar dan air payau, manakala jualan baka & benih serta ikan hiasan juga mencatatkan sebanyak 3,950 ekor. Secara keseluruhan, nilai jualan subsektor akuakultur di daerah ini berjumlah RM3.49 juta, menunjukkan sumbangan memberangsangkan kepada subsektor perikanan di peringkat daerah.

Paparan 35: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Baling, 2023

Subsektor Akuakultur				
				
		Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
 Kuantiti Pengeluaran				
i.	Tan Metrik	608.2	247.0	361.2
ii.	Ekor	3,950	3,950	-
 Kuantiti Jualan				
i.	Tan Metrik	539.0	232.2	306.8
ii.	Ekor	3,950	3,950	-
 Nilai Jualan (RM Juta)		3.50	1.56	1.94

10.5 SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Di daerah ini, seramai 20 orang pegangan pertanian terlibat secara aktif dalam aktiviti pengutipan hasil hutan bukan kayu seperti petai, rebung, buluh dan hasil hutan lain. Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti ini direkodkan sebanyak 6,112.3 kilogram dan 6,112.3 kilogram adalah untuk tujuan jualan. Manakala, nilai jualan mencatatkan sebanyak RM164,876.

Bagi aktiviti pembalakan, terdapat empat pertubuhan yang beroperasi secara sah dan aktif yang telah menyumbang kepada kuantiti pengeluaran sebanyak 10,226 meter padu kayu balak, dengan jumlah nilai jualan keseluruhan mencecah RM1.95 juta.

Paparan 36: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Baling, 2023

Subsektor Perhutanan & Pembalakan



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Kuantiti Pengeluaran

i.	Kilogram	6,112.3	6,112.3	-
ii.	Meter Padu	10,226.4	-	10,226.4



Kuantiti Jualan

i.	Kilogram	6,112.3	6,112.3	-
ii.	Meter Padu	10,226.4	-	10,226



Nilai Jualan (RM Juta)

2.11	0.16	1.95
------	------	------

11.0 AKTIVITI PERTANIAN DAERAH BANDAR BAHARU

Bandar Baharu merupakan sebuah daerah kecil di Kedah yang terletak di bahagian selatan negeri ini. Daerah ini bersempadan dengan Kulim di utara, Pulau Pinang di barat dan Perak di selatan. Sungai Kerian menjadi sempadan semula jadi antara Kedah dan Perak. Bandar Baharu merupakan daerah yang paling kecil populasi penduduk di negeri Kedah dengan anggaran sebanyak 45.6 ribu orang pada tahun 2024. Meliputi kawasan seluas 271 kilometer persegi, daerah ini mencatatkan kepadatan penduduk 168 orang bagi setiap kilometer persegi. Dari segi komposisi etnik, majoriti penduduk Bandar Baharu didominasi oleh Bumiputera sebanyak 84.7 peratus, diikuti oleh Cina (9.1%), India (5.9%) dan Lain-lain (0.2%). Kadar pertumbuhan penduduk bagi daerah ini adalah 1.2 peratus.

Sungai Kerian merupakan antara sungai yang kaya dengan hasil udang galah yang menjadi lubuk utama para pemancing menjana pendapatan. Sungai ini menghasilkan produktiviti akuakultur yang tinggi sehingga mampu menyediakan habitat bagi pelbagai spesies marin. Pangkalan udang galah Bandar Baharu terletak di Kampung Besar, Kampung Raja Atas, Kampung Raja Bawah, Kampung Baru Bagan Samak, Kampung Parit Nibong, Kampung Asam Kumbang, Kampung Lubuk Buntar, Kampung Selama dan Kampung Inchong. Dalam pada itu, terdapat banyak ikan kelisa emas atau dikenali sebagai *Arowana Malaysian Golden* di dalam Sungai Kerian yang boleh menjana pendapatan ekonomi dan pelancongan selain mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk.

Kerajaan negeri Kedah memperkenalkan projek tanaman lada hitam yang pertama di daerah ini, dalam usaha mempelbagaikan tanaman di sektor pertanian dan meningkatkan pengeluaran komoditi itu. Lada hitam adalah sejenis tumbuhan berbunga yang ditanam di kawasan berjenis tropika. Buah lada yang sudah masak dipetik dalam tempoh lima hingga enam bulan. Buah lada yang dipetik sebelum masak dikenali sebagai lada hijau dan lada hitam dihasilkan oleh buah lada yang telah matang masak yang dibiarkan terjemur kering manakala lada putih atau dikenali lada sulah adalah hasil daripada lada hitam yang direndam untuk mengeluarkan kulit lada hitam sehingga tinggal biji.

Daerah ini juga telah dibangunkan sebagai sebuah daerah AgroPelancongan khususnya pelancongan berkaitan buah-buahan tempatan iaitu durian yang sentiasa mendapat permintaan tinggi daripada orang ramai. Durian yang terkenal di daerah ini adalah durian jenis Duri Hitam (D200) atau dikenali sebagai *Black Thorn*. Kawasan penanaman durian Duri Hitam di Ladang Nictron Sdn. Bhd. di Sungai Kecil Hilir, *Ladang Serena Orchard* di Permatang Kerat Telunjuk dan Farmstay Relau. Dengan kewujudan ladang tersebut menjadikan Bandar Baharu sebagai daerah terbesar bagi pengeluaran durian yang berkualiti tinggi yang mendapat permintaan tinggi dan sebagai satu produk eksport untuk daerah dan negeri.

11.1 SUBSEKTOR TANAMAN

Bandar Baharu turut menonjol dalam subsektor Tanaman dengan penyertaan aktif pengusaha tempatan dalam pelbagai jenis tanaman. Daripada 2,260 pegangan pertanian dalam aktiviti tanaman di Bandar Baharu, tanaman kelapa sawit mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu seramai 1,250 pegangan pertanian menunjukkan penglibatan yang meluas dalam industri ini. Diikuti oleh tanaman getah sejumlah 410 pegangan pertanian, manakala tanaman padi direkodkan sebanyak 183 pegangan pertanian.

Jumlah keluasan bertanam di Bandar Baharu pada tahun 2023 adalah seluas 14,305.5 hektar. Daripada jumlah tersebut, 6,931.3 hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 7,374.2 hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 12,731.2 hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan jumlah 6,617.8 hektar.

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Bandar Baharu mencatatkan 206,225.5 tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu sebanyak 186,437.8 tan metrik, menyumbang 90.4 peratus daripada keseluruhan pengeluaran tanaman di daerah ini. Tanaman buah-buahan berada di tempat kedua dengan pengeluaran sebanyak 11,010.8 tan metrik (5.3%), diikuti oleh padi sebanyak 5,645.4 tan metrik dan sayur-sayuran sebanyak 2,044.4 tan metrik.

Nilai jualan subsektor tanaman di Bandar Baharu mencatatkan RM402.13 juta dengan nilai jualan tertinggi adalah buah-buahan iaitu sebanyak RM214.23 juta, menyumbang 53.3 peratus daripada keseluruhan nilai jualan di daerah ini. Tanaman kelapa sawit berada di tempat kedua dengan nilai jualan sebanyak RM166.70 juta (41.4%), diikuti oleh sayur-sayuran iaitu sejumlah RM9.34 juta.

Paparan 37: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Bandar Baharu, 2023

Subsektor Tanaman			
	 Pegangan Pertanian	 Individu	 Pertubuhan
 Keluasan Bertanam (Ha)	14,305.5	6,931.3	7,374.2
 Keluasan Bertuai (Ha)	12,731.2	6,617.8	6,113.4
 Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	206,225.5	82,271.7	123,953.8
 Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	205,433.5	81,519.7	123,913.8
 Nilai Jualan (RM Juta)	402.13	189.91	212.22

11.2 SUBSEKTOR TERNAKAN

Daerah Bandar Baharu mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan dalam subsektor ternakan, menjadikannya antara penyumbang utama kepada industri ternakan di negeri Kedah. Aktiviti ternakan di daerah ini adalah seramai 233 pegangan pertanian di mana 227 (97.4%) adalah pegangan pertanian individu dan enam (2.6%) adalah pegangan pertanian pertubuhan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Bandar Baharu adalah sebanyak 16.7 juta ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 16.5 juta ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 38.5 juta biji telur 534 kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 38.5 juta biji telur dan 531 kilogram hasilan ternakan lain.

Nilai jualan subsektor ternakan di Bandar Baharu mencatatkan RM254.94 juta dengan sumbangan tertinggi adalah daripada nilai jualan pertubuhan iaitu RM247.55 juta, manakala nilai jualan individu berjumlah RM7.39 juta.

Paparan 38: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Bandar Baharu, 2023


Subsektor Ternakan



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Kuantiti Pengeluaran

i. Kilogram

534.0

510.0

24.0

ii. Biji

38,486,063

1,200

38,484,863

iii. Ekor

16,663,261

5,148

16,658,113



Kuantiti Jualan

i. Kilogram

531.0

509.0

22.0

ii. Biji

38,476,075

945

38,475,130

iii. Ekor

16,454,013

3,864

16,450,149



Nilai Jualan
(RM Juta)

254.94

7.39

247.55

11.3 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Aktiviti perikanan tangkapan di Bandar Baharu hanya mencatatkan seramai 13 pegangan pertanian yang terdiri daripada pegangan pertanian individu sahaja. Aktiviti ini mencatatkan kuantiti pengeluaran dan kuantiti jualan yang sama iaitu sebanyak 29.8 tan metrik.

Nilai jualan bagi subsektor ini adalah sejumlah RM0.54 juta. Prestasi ini menunjukkan bahawa subsektor perikanan di Bandar Baharu walaupun berskala kecil berbanding daerah lain, tetapi mampu menyokong ekonomi tempatan serta memperkukuh daya saing negeri.

Paparan 39: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Bandar Baharu, 2023

Subsektor Perikanan Tangkapan			
	 Pegangan Pertanian	 Individu	 Pertubuhan
 Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	29.8	29.8	-
 Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	29.8	29.8	-
 Nilai Jualan (RM Juta)	0.54	0.54	-

11.4 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Aktiviti akuakultur di Bandar Baharu merekodkan sebanyak 46 pegangan pertanian di mana seramai 41 pegangan pertanian individu dan lima pegangan pertanian pertubuhan. Secara keseluruhan, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 371.7 tan metrik direkodkan bagi aktiviti air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 340.9 tan metrik. Manakala, bagi kuantiti pengeluaran baka & benih dan ikan hiasan, mencatatkan sebanyak 2,675 ekor dan 2,668 ekor adalah untuk tujuan jualan.

Jumlah nilai jualan subsektor akuakultur di Bandar Baharu mencecah RM2.57 juta, satu angka yang dapat menyokong kepada ekonomi setempat serta kelestarian sumber makanan negara.

Paparan 40: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Bandar Baharu, 2023

Subsektor Akuakultur				
				
		Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
	Kuantiti Pengeluaran			
i.	Tan Metrik	371.7	79.5	292.2
ii.	Ekor	2,675	2,675	-
	Kuantiti Jualan			
i.	Tan Metrik	340.9	75.7	265.2
ii.	Ekor	2,668	2,668	-
	Nilai Jualan (RM Juta)	2.57	0.69	1.88


11.5 SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Subsektor pembalakan di Bandar Baharu hanya mencatatkan pegangan pertanian pertubuhan dalam subsektor pembalakan sebanyak dua pengusaha sahaja. Bagi kuantiti pengeluaran, aktiviti pembalakan merekodkan sebanyak 1,952.3 meter padu yang menyamai kuantiti jualan pembalakan dengan nilai hasil jualan sebanyak RM0.20 juta.

Kerajaan negeri Kedah juga telah mengambil langkah inisiatif lestari untuk mengurangkan kesan negatif pembalakan, termasuk penggunaan teknologi mesra alam seperti sistem 'log fisher' dan penambahan jarak penampakan di kawasan sensitif.

Paparan 41: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Bandar Baharu, 2023

Subsektor Perhutanan & Pembalakan



Kuantiti Pengeluaran

i.	Meter Padu	1,952.3	-	1,952.3
----	------------	---------	---	---------



Kuantiti Jualan

i.	Meter Padu	1,952.3	-	1,952.3
----	------------	---------	---	---------



Nilai Jualan (RM Juta)

		0.20	-	0.20
--	--	------	---	------

12.0 AKTIVITI PERTANIAN DAERAH KOTA SETAR

Kota Setar merekodkan bilangan penduduk yang stabil iaitu sebanyak 381,800 orang dengan 189,700 orang lelaki dan 192,100 orang perempuan. Warganegara membentuk 96.6 peratus daripada keseluruhan penduduk, manakala bukan warganegara mencatatkan sebanyak 3.4 peratus. Dari segi komposisi etnik, majoriti penduduk Kota Setar didominasi oleh Bumiputera sebanyak 75.3 peratus, diikuti oleh Cina (22.4%), India (2.0%) dan Lain-lain (0.3%). Kadar pertumbuhan penduduk bagi daerah ini adalah 0.7 peratus.

Daerah Kota Setar menempatkan Alor Setar, ibu negeri Kedah yang juga berfungsi sebagai pusat pentadbiran utama kerajaan negeri. Daerah ini memainkan peranan yang amat penting dalam aspek pentadbiran, pendidikan, sejarah, serta ekonomi negeri Kedah. Terletak di bahagian barat negeri Kedah dan bersempadan dengan Selat Melaka, kedudukan strategik Kota Setar menjadikannya bukan sahaja pusat tumpuan pentadbiran, tetapi juga lokasi yang signifikan dari sudut ekonomi, logistik dan perdagangan.

Dalam bidang pertanian, Kota Setar termasuk dalam kawasan Jelapang Padi MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda) dan menyumbang lebih daripada 40 peratus pengeluaran beras negara. Keseluruhan kawasan sawah di daerah ini diusahakan secara intensif dengan sokongan sistem pengairan moden di bawah Projek Pengairan MADA. Selain tanaman padi, para pengusaha pertanian di Kota Setar turut menjalankan aktiviti tanaman kontan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, dan tanaman lain, walaupun dalam skala yang lebih kecil. Di samping itu, daerah ini turut menyumbang kepada perkembangan aktiviti perikanan, sekali gus mengukuhkan lagi peranannya dalam sektor makanan dan jaminan makanan negeri.

Secara keseluruhannya, Kota Setar bukan sahaja merupakan daerah pentadbiran utama negeri Kedah, malah kini menampilkan keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan kelestarian sektor pertanian. Walaupun pembangunan pesat berlaku di kawasan bandar, sektor pertanian tetap menjadi tunjang utama ekonomi kawasan luar bandar, serta penyumbang penting kepada jaminan makanan dan keselamatan bekalan makanan negeri ini.

12.1 SUBSEKTOR TANAMAN

Subsektor tanaman Kota Setar merekodkan 13,681 pegangan pertanian aktif dalam pelbagai jenis tanaman. Tanaman padi mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu seramai 10,535 pegangan pertanian, menunjukkan penglibatan yang meluas dalam industri ini. Diikuti oleh tanaman getah sejumlah 2,755 pegangan pertanian, manakala tanaman kelapa sawit direkodkan sebanyak 261 pegangan pertanian.

Jumlah keluasan bertanam di Kota Setar pada tahun 2023 adalah seluas 53,617.4 hektar. Daripada jumlah tersebut, 51,684.2 hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 1,932.2 hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 53,272.1 hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan jumlah 51,504.4 hektar.

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Kota Setar mencatatkan 266,281.3 tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah padi iaitu sebanyak 240,730.2 tan metrik, menyumbang 90.4 peratus daripada keseluruhan pengeluaran tanaman di daerah ini. Tanaman kelapa sawit berada di tempat kedua dengan pengeluaran sebanyak 16,877.7 tan metrik (6.3%), diikuti oleh buah-buahan sebanyak 5,001.6 tan metrik (1.9%).

Nilai jualan subsektor tanaman di Kota Setar mencatatkan RM389.03 juta dengan nilai jualan tertinggi adalah padi iaitu sebanyak RM272.07 juta, menyumbang 69.9 peratus daripada keseluruhan nilai jualan di daerah ini. Tanaman buah-buahan berada di tempat kedua dengan nilai jualan sebanyak RM85.81 juta (22.1%), diikuti oleh kelapa sawit iaitu sejumlah RM15.80 juta (4.1%).

Paparan 42: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Kota Setar, 2023

Subsektor Tanaman



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan

	Keluasan Bertanam (Ha)	53,617.4	51,684.2	1,932.2
	Keluasan Bertuai (Ha)	53,272.1	51,504.4	1,767.7
	Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	266,281.3	241,892.0	24,389.3
	Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	212,627.8	189,671.9	22,955.9
	Nilai Jualan (RM Juta)	389.03	296.54	92.49

12.2 SUBSEKTOR TERNAKAN

Subsektor ternakan di Kota Setar adalah seramai 315 pegangan pertanian di mana 278 (88.3%) adalah pegangan pertanian individu dan 37 (11.8%) adalah pegangan pertanian pertubuhan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Kota Setar adalah sebanyak 901.7 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 887.5 ribu ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 259.0 ribu biji telur dan 13.4 ribu kilogram meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 177.2 ribu biji telur dan 12.8 ribu kilogram hasilan ternakan lain.

Nilai jualan subsektor ternakan di Kota Setar mencatatkan RM39.95 juta dengan sumbangan oleh pegangan individu sebanyak RM5.06 juta dan RM34.89 juta disumbangkan oleh pegangan pertubuhan.

Paparan 43: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Kota Setar, 2023


Subsektor Ternakan



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Kuantiti Pengeluaran

i. Kilogram	13,447.0	145.0	13,302.0
ii. Biji	259,020	259,020	-
iii. Ekor	901,695.0	10,243.0	891,452.0



Kuantiti Jualan

i. Kilogram	12,847.0	145.0	12,702.0
ii. Biji	177,176	177,176	-
iii. Ekor	887,503	7,789	879,714



Nilai Jualan (RM Juta)

39.95	5.06	34.89
-------	------	-------

12.3 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Subsektor perikanan tangkapan di Kota Setar mencatatkan seramai 846 pegangan pertanian di mana 825 (97.5%) merupakan pengusaha pegangan individu dan 21 (2.5%) pengusaha pegangan pertubuhan.

Aktiviti ini mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 40,713.2 tan metrik yang didominasi oleh pegangan individu yang mencecah 37,870.1 tan metrik, bersamaan 93.0 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, jumlah pengeluaran bagi pegangan pertubuhan mencatat 2,843.1 tan metrik (7.0%).

Kuantiti jualan bagi aktiviti perikanan tangkapan merekodkan 40,700.7 tan metrik dimana pegangan individu sebanyak 37,857.6 tan metrik (93.1%) dan pegangan pertubuhan dengan 2,843.1 (7.0%). Nilai jualan bagi subsektor ini adalah sejumlah RM467.83 juta. Prestasi ini menunjukkan bahawa subsektor perikanan di Kota Setar, menjadi penyumbang kedua terbesar berbanding daerah lain di negeri Kedah dan terus berkembang melalui penggunaan teknologi moden dan sokongan program peningkatan hasil oleh agensi berkaitan.

Paparan 44: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Kota Setar, 2023

Subsektor Perikanan Tangkapan			
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
 Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	40,713.2	37,870.1	2,843.1
 Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	40,700.7	37,857.6	2,843.1
 Nilai Jualan (RM Juta)	467.83	436.29	31.54

12.4 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Kota Setar merekodkan 39 pegangan pertanian yang terdiri daripada 26 pegangan pertanian individu dan 13 pegangan pertanian pertubuhan. Secara keseluruhannya, aktiviti akuakultur bagi air payau dan air tawar telah mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran sebanyak 1,040.5 tan metrik serta kuantiti jualan sebanyak 1,027.5 tan metrik. Bagi pengeluaran baka & benih serta ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 63.5 ribu ekor dan 63.4 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan.

Secara keseluruhan, jumlah nilai jualan subsektor akuakultur di Kota Setar mencecah RM11.46 juta, dimana menjadikan daerah ini tergolong dalam lima daerah utama yang menyumbang kepada subsektor akuakultur ini.

Paparan 45: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Kota Setar, 2023

Subsektor Akuakultur				
				
		Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
	Kuantiti Pengeluaran			
	i. Tan Metrik	1,040.5	159.6	880.9
	ii. Ekor	63,532	3,252	60,280
	Kuantiti Jualan			
	i. Tan Metrik	1,027.5	155.0	872.5
	ii. Ekor	63,451	3,251	60,200
	Nilai Jualan (RM Juta)	11.46	2.05	9.41

12.5 SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Subsektor perhutanan dan pembalakan di Kota Setar walaupun berskala kecil berbanding subsektor pertanian lain, tetap memberikan sumbangan yang bermakna kepada ekonomi tempatan. Aktiviti berkaitan perhutanan dan pembalakan bukan sahaja menjana pendapatan negeri, malah turut memberi manfaat kepada komuniti luar bandar melalui sumber semula jadi sejajar dengan prinsip pembangunan ekonomi hijau.

Terdapat 16 pertubuhan berdaftar yang beroperasi secara sah dan aktif telah terlibat dengan aktiviti perhutanan dan pembalakan. Pertubuhan ini telah menyumbang kuantiti pengeluaran sebanyak 45,650 kilogram hasil hutan dan 99,219.3 meter padu kayu balak. Jumlah keseluruhan nilai jualan yang dicatatkan mencecah RM61.57 juta.

Paparan 46: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kota Setar, 2023

Subsektor Perhutanan & Pembalakan



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Kuantiti Pengeluaran

i.	Kilogram	45,650.0	-	45,650.0
ii.	Meter Padu	99,219.3	-	99,219.3



Kuantiti Jualan

i.	Kilogram	45,650.0	-	45,650.0
ii.	Meter Padu	99,219.3	-	99,219.3



Nilai Jualan (RM Juta)

61.57	-	61.57
-------	---	-------

13.0 AKTIVITI PERTANIAN DAERAH KUALA MUDA

Kuala Muda merupakan daerah yang paling padat penduduk di Negeri Kedah dengan anggaran populasi sebanyak 571.4 ribu orang pada tahun 2024. Meliputi kawasan seluas 913 kilometer persegi, daerah ini mencatatkan kepadatan penduduk yang tinggi, iaitu 615 orang bagi setiap kilometer persegi. Dari segi komposisi etnik, majoriti penduduk Kuala Muda didominasi oleh Bumiputera sebanyak 72.8 peratus, diikuti oleh Cina (15.6%), India (11.1%) dan Lain-lain (0.4%). Kadar pertumbuhan penduduk bagi daerah ini adalah 2.0 peratus.

Daerah ini terkenal dengan sektor pertanian, perikanan dan penternakan. Sungai Muda menjadi sumber air utama untuk aktiviti pertanian, khususnya penanaman padi. Selain itu, aktiviti perikanan dan pembalakan juga menyumbang kepada ekonomi daerah. Tanah pamah yang rata, yang terdiri daripada jenis tanah aluvium sangat sesuai untuk penanam padi, getah dan kelapa sawit. Kawasan pertanian di daerah ini mendapat saliran air daripada Empangan Muda yang dilepaskan bagi keperluan penanaman padi dan penggunaan air domestik. Selain penanaman sawah padi, terdapat tanaman pokok nipah di daerah ini. Pokok nipah merupakan sejenis tumbuhan tropika atau dikategorikan sebagai tumbuhan palma yang tumbuh di kawasan tanah lembab, berpayau atau pesisiran sungai air tawar. Semua bahagian pokok nipah boleh dimanfaatkan sehingga dikenali sebagai pokok serba guna seperti pokok kelapa. Kawasan yang banyak menanam pokok nipah adalah di Merbok, Kuala Sedaka, Kuala Sungai Yan, Kuala Dulang Kecil dan Kampung Singkir Laut. Di samping itu, tanaman cendawan juga diusahakan di daerah ini. Cendawan atau kulat ialah sejenis kulat pensporaan iaitu serbuk halus yang dihasilkan oleh bakteria dan tumbuhan tidak berbunga yang tumbuh di tanah atau sumber nutrient. Tanaman cendawan dikategorikan sebagai tanaman komersial kerana tanaman yang berpotensi dalam industri pertanian yang baharu.

Daerah Kuala Muda juga terkenal dengan industri perikanan kerana berdekatan dengan pesisir sungai dan air laut. Industri perikanan dijalankan bagi pembekalan ikan segar dan hasil sumber laut lain untuk kegunaan penduduk setempat dan orang ramai.

Hasil tangkapan ikan dan makanan laut yang segar akan dijual dan dipasarkan di Pasar Bisik. Produk hasil sumber laut yang dihasilkan di Kuala Muda terdapat di Tanjung Dawai yang menjual ikan masin, ikan bilis, sotong kering, belacan, pelbagai keropok yang berasaskan ikan, udang dan pelbagai jenis lagi.

13.1 SUBSEKTOR TANAMAN

Kuala Muda juga menonjol dalam subsektor tanaman dengan penyertaan aktif pengusaha tempatan dalam pelbagai jenis tanaman. Daripada 9,730 pegangan pertanian, tanaman padi mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu seramai 4,795 pegangan, menunjukkan penglibatan yang meluas dalam industri ini. Diikuti oleh tanaman getah sejumlah 3,238 pegangan, manakala tanaman kelapa sawit direkodkan sebanyak 1,280 pegangan.

Jumlah keluasan bertanam di Kuala Muda pada tahun 2023 adalah seluas 35,027.6 hektar. Daripada jumlah tersebut, 15,935.7 hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 19,091.9 hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 30,231.1 hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan jumlah 15,522.1 hektar.

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Kuala Muda mencatatkan 426,342.4 tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu sebanyak 355,692.9 tan metrik, menyumbang 83.4 peratus daripada keseluruhan pengeluaran tanaman di daerah ini. Tanaman padi berada di tempat kedua dengan pengeluaran sebanyak 45,151.3 tan metrik (10.6%), diikuti oleh buah-buahan sebanyak 12,358.8 tan metrik dan sayur-sayuran sebanyak 8,807.4 tan metrik.

Nilai jualan subsektor tanaman di Kuala Muda mencatatkan RM640.06 juta dengan nilai jualan tertinggi adalah kelapa sawit sebanyak RM326.43 juta, menyumbang 51.0 peratus daripada keseluruhan nilai jualan di daerah ini. Tanaman buah-buahan berada di tempat kedua dengan nilai jualan sebanyak RM169.19 juta (26.4%), diikuti oleh tanaman sayur-sayuran iaitu sejumlah RM80.67 juta.

Paparan 47: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Kuala Muda, 2023

Subsektor Tanaman



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Keluasan Bertanam
(Ha)

35,027.6

15,935.7

19,091.9



Keluasan Bertuai
(Ha)

30,231.1

15,522.1

14,709.0



Kuantiti Pengeluaran
(Tan Metrik)

426,342.4

131,620.4

294,723.0



Kuantiti Jualan
(Tan Metrik)

413,277.3

119,246.3

294,032.0



Nilai Jualan
(RM Juta)

640.06

196.90

443.16

13.2 SUBSEKTOR TERNAKAN

Daerah Kuala Muda merekodkan sumbangan daerah keenam teratas bagi subsektor ternakan di negeri Kedah. Aktiviti ternakan di daerah ini adalah seramai 351 pegangan pertanian di mana 315 (89.7%) adalah pegangan pertanian individu dan 36 (10.3%) adalah pegangan pertanian pertubuhan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Kuala Muda adalah sebanyak 13.4 juta ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 13.1 juta ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 58.9 juta biji telur, 79.4 ribu liter susu segar dan 6,122.0 kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan

bagi hasilan ternakan mencatatkan 58.0 juta biji telur, 79.0 ribu liter susu dan 6,039.0 kilogram hasilan ternakan lain.

Nilai jualan subsektor ternakan di Kuala Muda mencatatkan RM256.89 juta dengan sumbangan tertinggi oleh pegangan pertubuhan iaitu RM248.79 juta manakala pegangan individu adalah RM8.10 juta.

Paparan 48: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Kuala Muda, 2023

Subsektor Ternakan



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Kuantiti Pengeluaran

i. Kilogram	6,122.0	2,320.0	3,802.0
ii. Biji	58,868,969	41,931	58,827,038
iii. Ekor	13,363,165	138,461	13,224,704
iv. Liter	79,422.0	54,156.0	25,266.0



Kuantiti Jualan

i. Kilogram	6,039.0	2,267.0	3,772.0
ii. Biji	57,952,755	38,709	57,914,046
iii. Ekor	13,092,505	114,713	12,977,792
iv. Liter	79,024.0	53,793.0	25,231.0



Nilai Jualan (RM Juta)

256.89

8.10

248.79

13.3 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Subsektor perikanan tangkapan di Kuala Muda mencatatkan seramai 858 pegangan pertanian dimana 850 (99.1%) merupakan pengusaha pegangan individu dan lapan (0.9%) adalah pengusaha pegangan pertubuhan.

Aktiviti ini mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 6,745.7 tan metrik yang didominasi oleh pegangan individu iaitu 6,577.4 tan metrik, bersamaan 97.5 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, jumlah pengeluaran bagi pegangan pertubuhan mencatat 168.3 tan metrik (2.5%).

Kuantiti jualan bagi aktiviti perikanan tangkapan merekodkan 6,735.7 tan metrik dimana pegangan individu sebanyak 6,567.5 tan metrik (97.5%) dan pegangan pertubuhan dengan 168.3 (2.5%). Nilai jualan bagi subsektor ini adalah sejumlah RM71.74 juta. Prestasi ini menunjukkan bahawa subsektor perikanan di Kuala Muda menjadi penyumbang keempat terbesar dan terus berkembang melalui penggunaan teknologi moden dan sokongan program peningkatan hasil oleh agensi berkaitan.

Paparan 49: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Kuala Muda, 2023


Subsektor Perikanan Tangkapan			
	 Pegangan Pertanian	 Individu	 Pertubuhan
 Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	6,745.7	6,577.4	168.3
 Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	6,735.7	6,567.5	168.3
 Nilai Jualan (RM Juta)	71.74	71.0	0.74

13.4 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Aktiviti akuakultur di Kuala Muda merekodkan sebanyak 242 pegangan pertanian di mana seramai 150 pegangan pertanian individu dan 92 pegangan pertanian pertubuhan. Secara keseluruhan, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 11,679.5 tan metrik direkodkan bagi aktiviti air tawar dan air payau. Kuantiti pengeluaran pula merekodkan sebanyak 10,612.9 tan metrik. Manakala bagi kategori baka & benih serta ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang direkodkan adalah sebanyak 40,307.1 ribu ekor, di mana 40,276.7 ribu ekor untuk tujuan jualan.

Secara keseluruhan, jumlah nilai jualan subsektor akuakultur di Kuala Muda mencecah RM179.27 juta, yang mencerminkan potensi besar subsektor ini dalam menyumbang kepada ekonomi luar bandar dan pembangunan agroindustri moden.

Paparan 50: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Kuala Muda, 2023



13.5 SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Di daerah ini, seramai 60 orang pengusaha terlibat secara aktif dalam aktiviti pengutipan hasil hutan bukan kayu seperti petai, rebung, buluh dan hasil hutan lain. Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti ini direkodkan sebanyak 22,363.7 kilogram dengan kuantiti jualan sebanyak 6,496.7 kilogram. Manakala, nilai jualan mencatatkan sebanyak RM123.39 juta.

Bagi aktiviti perhutanan & pembalakan, terdapat 38 pertubuhan telah beroperasi dengan merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 191,131.2 meter padu kayu balak dan 2,743 kilogram hasil hutan bukan kayu dengan jumlah nilai jualan keseluruhan mencecah RM123.37 juta.

Paparan 51: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kuala Muda, 2023

Subsektor Perhutanan & Pembalakan



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Kuantiti Pengeluaran

i.	Kilogram	22,363.7	19,620.8	2,742.9
ii.	Meter Padu	191,131.2	-	191,131.2



Kuantiti Jualan

i.	Kilogram	6,496.7	3,753.8	2,742.9
ii.	Meter Padu	191,131.2	-	191,131.2



Nilai Jualan (RM Juta)

123.39	0.02	123.37
--------	------	--------

14.0 AKTIVITI PERTANIAN DAERAH KUBANG PASU

Daerah Kubang Pasu merekodkan bilangan penduduk yang stabil iaitu sebanyak 253,400 orang dengan 124,900 orang lelaki dan 128,500 orang perempuan. Warganegara membentuk 97.3 peratus daripada keseluruhan penduduk, manakala bukan warganegara mencatatkan sebanyak 2.7 peratus. Dari segi komposisi etnik, majoriti penduduk Kubang Pasu didominasi oleh Bumiputera sebanyak 90.7 peratus, diikuti oleh Cina (6.0%), India (2.0%) dan Lain-lain (1.3%). Kadar pertumbuhan penduduk bagi daerah ini adalah 0.7 peratus.

Kubang Pasu merupakan salah satu daerah penting dalam landskap pertanian negeri Kedah, meskipun kini semakin dikenali sebagai kawasan sempadan strategik dan pusat pembangunan logistik. Dari sudut pertanian, Kubang Pasu tetap memainkan peranan yang signifikan, khususnya dalam subsektor tanaman padi dan makanan asas.

Daerah ini termasuk dalam kawasan jelapang padi Kedah yang menyumbang kepada lebih 40 peratus pengeluaran beras negara. Kawasan tanah sawah di sekitar Jitra, Changlun dan sekitarnya diusahakan secara intensif dengan sokongan sistem pengairan dari Projek Pengairan MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda). Selain padi, petani di Kubang Pasu juga terlibat dalam tanaman kontan seperti jagung, sayur-sayuran dan buah-buahan yang dipasarkan ke seluruh utara Semenanjung.

Penternakan lembu dan kambing secara kecil dan sederhana juga wujud sebagai sumber pendapatan sampingan bagi ramai penduduk luar bandar. Kemunculan teknologi pertanian moden dan program sokongan kerajaan turut menyokong peningkatan produktiviti di kawasan ini. Secara keseluruhannya, walaupun Kubang Pasu semakin maju dalam bidang pembangunan sempadan dan industri, sektor pertanian masih kekal sebagai tunjang ekonomi luar bandar, serta penyumbang penting kepada jaminan makanan bagi Negeri Kedah.

14.1 SUBSEKTOR TANAMAN

Kubang Pasu turut menonjol dalam subsektor tanaman dengan penyertaan aktif pengusaha tempatan dalam pelbagai jenis tanaman. Daripada 18,676 pegangan pertanian dalam aktiviti tanaman di Kubang Pasu, tanaman padi mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu seramai 12,063 pegangan pertanian, menunjukkan penglibatan yang meluas dalam industri ini. Diikuti oleh tanaman getah sejumlah 6,111 pegangan pertanian, manakala tanaman kelapa sawit direkodkan sebanyak 246 pegangan pertanian. Jumlah keluasan bertanam di Kubang Pasu pada tahun 2023 adalah seluas 71,415.1 hektar. Daripada jumlah tersebut, 64,977.3 hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 6,437.8 hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 69,133.0 hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan jumlah 63,532.9 hektar.

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Kubang Pasu mencatatkan 393,413.5 tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah padi iaitu sebanyak 291,745.4 tan metrik, menyumbang 73.8 peratus daripada keseluruhan pengeluaran tanaman di daerah ini. Tanaman kelapa sawit berada di tempat kedua dengan pengeluaran sebanyak 64,772.5 tan metrik (16.4%), diikuti oleh tanaman lain sebanyak 20,928.4 tan metrik dan getah sebanyak 6,432.4 tan metrik.

Nilai jualan subsektor tanaman di Kubang Pasu mencatatkan RM476.18 juta dengan nilai jualan tertinggi adalah padi iaitu sebanyak RM326.8 juta, menyumbang 68.6 peratus daripada keseluruhan nilai jualan di daerah ini. Tanaman kelapa sawit berada di tempat kedua dengan nilai jualan sebanyak RM58.7 juta (12.3%), diikuti oleh getah iaitu sejumlah RM42.5 juta.

Paparan 52: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Kubang Pasu, 2023

Subsektor Tanaman



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Keluasan Bertanam
(Ha)

71,415.1

64,977.3

6,437.8



Keluasan Bertuai
(Ha)

69,133.0

63,532.9

5,600.1



Kuantiti Pengeluaran
(Tan Metrik)

393,413.5

326,095.3

67,318.2



Kuantiti Jualan
(Tan Metrik)

326,035.3

260,456.7

65,578.6



Nilai Jualan
(RM Juta)

476.18

390.49

85.69

14.2 SUBSEKTOR TERNAKAN

Daerah Kubang Pasu mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan dalam subsektor ternakan, menjadikannya antara penyumbang utama kepada industri ternakan di negeri Kedah. Aktiviti ternakan di daerah ini adalah seramai 485 pegangan pertanian di mana 469 (96.7%) adalah pegangan pertanian individu dan 16 (3.3%) adalah pegangan pertanian pertubuhan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Kubang Pasu adalah sebanyak 35.7 juta ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 35.5 juta ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan

dengan 114.8 ribu biji telur, 75.8 ribu liter susu segar dan 3,349.0 kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 97.8 ribu biji telur, 75.7 ribu liter susu dan 3.324.0 kilogram hasilan ternakan lain.

Nilai jualan subsektor ternakan di Kubang Pasu mencatatkan RM480.68 juta dengan sumbangan tertinggi adalah daripada nilai jualan pertubuhan iaitu RM472.17 juta, manakala nilai jualan individu berjumlah RM8.51 juta.

Paparan 53: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Kubang Pasu, 2023


Subsektor Ternakan



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Kuantiti Pengeluaran

i. Kilogram	3,349.0	2,749.0	600.0
ii. Biji	114,853	114,853	-
iii. Ekor	35,801,486	53,504	35,747,982
iv. Liter	75,820.7	2,880.0	72,940.7



Kuantiti Jualan

i. Kilogram	3,324.0	2,738.0	586.0
ii. Biji	97,805	97,805	-
iii. Ekor	35,801,486	9,787	35,502,815
iv. Liter	75,720.7	2,880.0	72,840.7



Nilai Jualan (RM Juta)

480.68	8.51	472.17
--------	------	--------

14.3 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Subsektor perikanan tangkapan di Daerah Kubang Pasu mencatatkan sebanyak 379 pegangan pertanian, di mana kesemua pegangan pertanian merupakan pegangan pertanian individu.

Aktiviti ini merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 4,014.4 tan metrik, dengan jumlah jualan hampir keseluruhan sebanyak 4,013.4 tan metrik. Nilai jualan yang direkodkan adalah sebanyak RM59.17 juta, sekali gus menunjukkan sumbangan yang sederhana namun tetap signifikan kepada ekonomi setempat, khususnya dalam subsektor perikanan daerah.

Paparan 54: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Kubang Pasu, 2023


Subsektor Perikanan Tangkapan			
	 Pegangan Pertanian	 Individu	 Pertubuhan
 Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	4,014.4	4,014.4	-
 Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	4,013.4	4,013.4	-
 Nilai Jualan (RM Juta)	59.17	59.17	-

14.4 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Aktiviti akuakultur di Kubang Pasu merekodkan sebanyak 66 pegangan pertanian di mana seramai 53 pegangan pertanian individu dan 13 pegangan pertanian pertubuhan. Secara keseluruhan, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 3,795.4 tan metrik direkodkan bagi aktiviti air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 3,741.9 tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 35.8 juta ekor dan 27.9 juta ekor adalah untuk tujuan jualan.

Secara keseluruhan, jumlah nilai jualan subsektor akuakultur di Kubang Pasu mencecah RM79.25 juta, satu angka yang mencerminkan potensi besar subsektor ini dalam menyumbang kepada ekonomi luar bandar dan pembangunan agroindustri moden.

Paparan 55: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Kubang Pasu, 2023

Subsektor Akuakultur				
				
		Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
	Kuantiti Pengeluaran			
	i. Tan Metrik	3,795.4	435.3	3,360.1
	ii. Ekor	39,719,790	103,138	39,616,652
	Kuantiti Jualan			
	i. Tan Metrik	3,741.9	385.4	3,356.5
	ii. Ekor	27,925,295	89,449	27,835,846
	Nilai Jualan (RM Juta)	79.25	4.40	74.85

14.5 SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Di daerah ini, seramai empat orang pengusaha terlibat secara aktif dalam aktiviti pengutipan hasil hutan bukan kayu seperti petai, rebung, buluh dan hasil hutan lain. Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti ini direkodkan sebanyak 2,677.1 kilogram dan 2,457.1 kilogram adalah untuk tujuan jualan. Manakala, nilai jualan mencatatkan sebanyak RM49,255.00.

Bagi aktiviti pembalakan, terdapat 10 pertubuhan yang beroperasi secara sah dan aktif yang telah menyumbang kepada kuantiti pengeluaran sebanyak 17,113.2 meter padu kayu balak, dengan jumlah nilai jualan keseluruhan iaitu RM5.36 juta.

Paparan 56: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kubang Pasu, 2023

Subsektor Perhutanan & Pembalakan



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Kuantiti Pengeluaran

i.	Kilogram	2,677.1	2,677.1	-
ii.	Meter Padu	17,133.2	-	17,133



Kuantiti Jualan

i.	Kilogram	2,457.1	2,457.1	-
ii.	Meter Padu	17,133.2	-	17,133.2



Nilai Jualan (RM)

5,415,381.00	49,255.00	5,366,126.00
--------------	-----------	--------------

15.0 AKTIVITI PERTANIAN DAERAH KULIM

Daerah Kulim merupakan daerah ketiga tertinggi paling padat penduduk di Negeri Kedah dengan anggaran populasi sebanyak 352.2 ribu orang pada tahun 2024. Meliputi kawasan seluas 767 kilometer persegi, daerah ini mencatatkan kepadatan penduduk seramai 459 orang bagi setiap kilometer persegi. Dari segi komposisi etnik, majoriti penduduk Kulim didominasi oleh Bumiputera sebanyak 70.6 peratus, diikuti oleh Cina (14.3%), India (14.6%) dan Lain-lain (0.5%). Kadar pertumbuhan penduduk bagi daerah ini adalah 1.7 peratus.

Kulim turut bermotifkan aktiviti pertanian dalam menjana sumber ekonomi. Antara tanaman yang diusahakan di daerah ini adalah tanaman nanas. Nanas merupakan sejenis tumbuhan buah-buahan tropika yang popular ditanam di Malaysia. Nanas yang ditanam di Kulim adalah jenis MD2. Pelbagai produk berasaskan nanas dapat dihasilkan seperti buah potong segar, nanas beku, cip nanas dan jus nanas dalam tin. Selain itu, tanaman pulasan juga ditanam di daerah ini. Kawasan yang menanam pulasan adalah di Kampung Dingin.

Dalam pada itu, Kampung Dingin juga ada mengusahakan tanaman Limau Madu. Buah Limau Madu yang ditanam adalah varieti M33. Penanaman limau madu di Kampung Dingin menjadi salah satu projek tanaman limau madu yang berjaya di Kedah kerana dapat bertahan melebihi sedekad. Dengan penanaman pulasan dan limau madu di daerah ini, para petani yang mengusahakannya mendapat pendapatan yang lumayan dan buah buahan tersebut dapat dikomersialkan. Tanaman *roselle* turut diusahakan di daerah ini. *Roselle* atau dikenali juga sebagai asam raya merupakan spesies tumbuhan daripada kelompok *Hibiscus* yang sama dengan bunga raya. Penanaman *roselle* lazimnya akan menghasilkan bunga atau kelopak dari bunga rosel iaitu kaliks yang boleh diproses untuk mengeluarkan jus minuman, jem dan jeli. *Roselle* sesuai di tanam di tanah bris kerana ia mudah mengeluarkan tunas yang baru, selepas dipangkas setelah dipetik hasilnya. Kawasan yang menanam *roselle* adalah di Lunas (Ruza Agrotech Kulim).

15.1 SUBSEKTOR TANAMAN

Subsektor tanaman di Kulim agak memberangsangkan dengan penyertaan aktif pengusaha tempatan dalam pelbagai jenis tanaman. Daripada 3,895 pegangan pertanian dalam aktiviti tanaman di Kulim, tanaman getah mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu seramai 1,716 pegangan, menunjukkan penglibatan yang meluas dalam industri ini. Diikuti oleh kelapa sawit sejumlah 1,521 pegangan pertanian, manakala padi direkodkan sebanyak 452 pegangan pertanian.

Jumlah keluasan bertanam di Kulim pada tahun 2023 adalah seluas 27,933.8 hektar. Daripada jumlah tersebut, 7,126.0 hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 20,807.7 hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 21,989.1 hektar, dimana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan dengan jumlah 15,205.1 hektar.

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Kulim mencatatkan 388,435.5 tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu sebanyak 373,132.5 tan metrik, menyumbang 96.1 peratus daripada keseluruhan pengeluaran tanaman di daerah ini. Tanaman buah-buahan berada di tempat kedua dengan pengeluaran sebanyak 5,975.7 tan metrik (1.5%), diikuti oleh tanaman padi sebanyak 4,534.5 tan metrik dan sayur-sayuran sebanyak 1,428.0 tan metrik.

Nilai jualan subsektor tanaman di Kulim mencatatkan RM444.29 juta dengan nilai jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu sebanyak RM342.63 juta, menyumbang 77.11 peratus daripada keseluruhan nilai jualan di daerah ini. Tanaman buah-buahan berada di tempat kedua dengan nilai jualan sebanyak RM68.8 juta (15.5%), diikuti oleh getah iaitu sejumlah RM18.5 juta

Paparan 57: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Kulim, 2023

Subsektor Tanaman



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Keluasan Bertanam
(Ha)

27,933.8

7,126.0

20,807.7



Keluasan Bertuai
(Ha)

21,989.1

6,784.0

15,205.1



Kuantiti Pengeluaran
(Tan Metrik)

388,435.5

83,165.9

305,269.6



Kuantiti Jualan
(Tan Matrik)

386,926.9

81,675.0

305,251.9



Nilai Jualan
(RM Juta)

444.29

107.14

337.15

15.2 SUBSEKTOR TERNAKAN

Daerah Kulim mencatatkan pencapaian yang semakin melonjak dalam subsektor ternakan, menjadikannya antara penyumbang utama yang menyokong kepada industri ternakan di negeri Kedah. Aktiviti ternakan di daerah ini adalah seramai 228 pegangan pertanian di mana 205 (89.9%) adalah pegangan pertanian individu dan 23 (10.1%) adalah pegangan pertanian pertubuhan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Kulim adalah sebanyak 13.1 juta ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 13.0 juta ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasil ternakan pula direkodkan dengan 240.8 juta biji telur, 10,800 liter susu segar dan 1,604.0 kilogram yang meliputi sarang burung walet dan madu.

Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 239.3 juta biji telur, 8,424.0 liter susu dan 1,520.0 kilogram hasilan ternakan lain.

Nilai jualan subsektor ternakan di Kulim mencatatkan RM271.37 juta dengan sumbangan tertinggi adalah daripada nilai jualan pertubuhan iaitu RM269.20 juta, manakala nilai jualan individu berjumlah RM2.17 juta.

Paparan 58: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Kulim, 2023


Subsektor Ternakan



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Kuantiti Pengeluaran

i. Kilogram	1,604.0	90.0	1,514.0
ii. Biji	240,833,402	8,950	240,824,452
iii. Ekor	13,139,010	4,074	13,134,936
iv. Liter	10,800.0	10,800.0	-



Kuantiti Jualan

i. Kilogram	1,520.0	86.0	1,434.0
ii. Biji	239,310,805	8,700	239,302,105
iii. Ekor	13,020,743	3,893	13,016,850
iv. Liter	8,424.0	8,424.0	-



Nilai Jualan (RM Juta)


271.37	2.17	269.20
--------	------	--------

15.3 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Aktiviti perikanan di Daerah Kulim tidak begitu menonjol berbanding kawasan pesisir pantai, namun masih wujud inisiatif dalam subsektor ini yang menyumbang kepada ekonomi tempatan. Antaranya termasuk projek komuniti yang melibatkan penduduk setempat dalam aktiviti penternakan ikan, yang bukan sahaja berperanan dalam meningkatkan sumber pendapatan, malah turut memperkukuh jalinan kerjasama dan semangat kebersamaan dalam komuniti.

Kulim mencatatkan 14 pegangan pertanian yang terdiri daripada pengusaha perikanan individu sahaja. Aktiviti ini mencatatkan jumlah pengeluaran dan jualan yang sama iaitu sebanyak 35 tan metrik.

Paparan 59: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Kulim, 2023




15.4 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Aktiviti akuakultur di Kulim merekodkan sebanyak 36 pegangan pertanian di mana seramai 33 pegangan pertanian individu dan tiga pegangan pertanian pertubuhan. Secara keseluruhan, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 406.0 tan metrik direkodkan bagi aktiviti air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 398.5 tan metrik. Manakala, bagi ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 1.9 juta ekor dan 1.8 juta ekor adalah untuk tujuan jualan.

Nilai jualan subsektor akuakultur di Kulim mencecah RM3.93 juta, satu angka yang agak berpotensi dalam menyumbang kepada ekonomi setempat serta kelestarian sumber makanan negara.

Paparan 60: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Kulim, 2023

Subsektor Akuakultur				
				
		Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
	Kuantiti Pengeluaran			
i.	Tan Metrik	406.0	33.5	372.5
ii.	Ekor	1,946,517	12,178	1,934,339
	Kuantiti Jualan			
i.	Tan Metrik	398.5	32.9	365.6
ii.	Ekor	1,882,610	12,178	1,870,432
	Nilai Jualan (RM Juta)	3.93	0.45	3.48


15.5 SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Subsektor pembalakan dan perhutanan di Kulim memainkan peranan penting dalam ekonomi tempatan, namun ia juga memerlukan pengurusan yang teliti untuk memastikan kelestarian alam sekitar. Kulim hanya mencatatkan jumlah pengusaha dalam subsektor pembalakan sahaja iaitu sebanyak lima pegangan pertanian pertubuhan.

Kuantiti pengeluaran pembalakan mencatatkan sebanyak 4,784.0 meter padu yang menyamai kuantiti jualan pembalakan dengan nilai hasil jualan sebanyak RM0.89 juta. Angka ini menjadikan subsektor pembalakan daerah mampu berkembang dalam menyokong sektor pertanian lain di Kulim.

Paparan 61: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kulim, 2023

Subsektor Perhutanan & Pembalakan



	Kuantiti Pengeluaran				
	i.	Kilogram	-	-	-
	ii.	Meter Padu	4,784.0	-	4,784.0
	Kuantiti Jualan				
	i.	Kilogram	-	-	-
	ii.	Meter Padu	4,784.0	-	4,784.0
	Nilai Jualan (RM Juta)		0.89	-	0.89

16.0 AKTIVITI PERTANIAN DAERAH LANGKAWI

Daerah Langkawi merekodkan bilangan penduduk yang stabil iaitu sebanyak 99,900 orang dengan 51,700 orang lelaki dan 48,100 orang perempuan. Warganegara membentuk 94.6 peratus daripada keseluruhan penduduk, manakala bukan warganegara mencatatkan sebanyak 5.4 peratus. Dari segi komposisi etnik, majoriti penduduk Langkawi didominasi oleh Bumiputera sebanyak 92.3 peratus, diikuti oleh Cina (4.9%), India (1.8%) dan Lain-lain (1.1%). Kadar pertumbuhan penduduk bagi daerah ini adalah 1.8 peratus.

Daerah Langkawi dikenali sebagai pulau bebas cukai yang sinonim dengan pelancongan bertaraf antarabangsa. Kawasan perairannya yang luas dan kaya dengan sumber laut menjadikan daerah ini antara lokasi utama bagi aktiviti perikanan laut dalam dan tradisional. Secara umumnya, landskap ekonomi daerah ini didominasi oleh sektor pelancongan, namun sektor pertanian dan aktiviti perikanan tangkapan laut masih memainkan peranan penting dalam menyokong ekonomi setempat serta kesejahteraan masyarakat tempatan. Secara tidak langsung, sektor ini turut menyumbang kepada keterjaminan sekuriti makanan di Langkawi.

Di sebalik kemajuan sektor pelancongan, penduduk tempatan di beberapa kawasan masih aktif menjalankan pelbagai aktiviti sosioekonomi tradisional seperti pertanian padi, penternakan dan akuakultur. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja menjadi sumber pendapatan tambahan kepada komuniti luar bandar, malah turut memastikan bekalan makanan tempatan yang stabil, khususnya dalam bentuk hasil laut dan produk pertanian segar.

16.1 SUBSEKTOR TANAMAN

Subsektor tanaman di Langkawi menunjukkan penyertaan aktif pengusaha tempatan dalam pelbagai jenis tanaman. Daripada jumlah 1,689 pegangan pertanian dalam aktiviti tanaman di Langkawi, tanaman getah mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu seramai 832 pegangan pertanian, diikuti oleh tanaman padi seramai 506 pegangan pertanian dan tanaman buah-buahan, 190 pegangan pertanian.

Jumlah keluasan bertanam di Langkawi pada tahun 2023 adalah seluas 4,527.8 hektar. Daripada jumlah tersebut, 4,398.8 hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 129 hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 4,268 hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan jumlah 4,152.1 hektar.

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Langkawi mencatatkan 22,543.3 tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah tanaman padi iaitu sebanyak 15,511.1 tan metrik, menyumbang 68.8 peratus daripada keseluruhan pengeluaran tanaman di daerah ini. Tanaman buah-buahan berada di tempat kedua dengan pengeluaran sebanyak 2,786.3 tan metrik (12.4%) dan diikuti oleh nanas sebanyak 1,680.4 tan metrik (7.5%).

Nilai jualan subsektor tanaman di Langkawi mencatatkan RM44.10 juta dengan nilai jualan tertinggi adalah padi iaitu sebanyak RM20.11 juta, menyumbang 45.6% peratus daripada keseluruhan nilai jualan di daerah ini. Tanaman buah-buahan berada di tempat kedua dengan nilai jualan sebanyak RM11.14 juta (25.3%), diikuti oleh sayur-sayuran dengan nilai jualan RM3.53 juta (8.0%).

Paparan 62: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Langkawi, 2023

Subsektor Tanaman



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan

	Keluasan Bertanam (Ha)	4,527.8	4,398.8	129.0
	Keluasan Bertuai (Ha)	4,268.0	4,152.1	116.0
	Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	22,543.3	21,866.3	667.0
	Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	19,362.1	18,725.2	637.0
	Nilai Jualan (RM Juta)	44.10	42.32	1.78

16.2 SUBSEKTOR TERNAKAN

Subsektor ternakan di Langkawi mempunyai seramai 119 pegangan pertanian dimana 114 (95.8%) merupakan pegangan pertanian individu dan 5 (4.2%) adalah pegangan pertanian pertubuhan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Langkawi adalah sebanyak 1,819 ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 1,277 ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 41.5 ribu biji telur dan 393 kilogram meliputi sarang burung walit, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 39.2 ribu biji telur dan 234 kilogram hasilan ternakan lain.

Nilai jualan subsektor ternakan di Langkawi mencatatkan RM1.49 juta dengan sumbangan pegangan individu berjumlah RM1.31 juta manakala selebihnya RM182.5 ribu adalah disumbangkan oleh pegangan pertubuhan.

Paparan 63: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Langkawi, 2023


Subsektor Ternakan



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Kuantiti Pengeluaran

i. Kilogram	393.0	72.0	321.0
ii. Biji	41,590	41,590	-
iii. Ekor	1,819.0	1,814.0	5.0



Kuantiti Jualan

i. Kilogram	234.0	68.0	166.0
ii. Biji	39,279	39,270	-
iii. Ekor	1,277.0	1,272.0	5.0



Nilai Jualan (RM Juta)

1.49	1.31	0.18
------	------	------

16.3 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Langkawi mencatatkan jumlah pegangan tertinggi bagi aktiviti perikanan tangkapan, dengan keseluruhan seramai 1,562 pegangan pertanian. Daripada jumlah tersebut, 1,541 (98.7%) merupakan pegangan pertanian individu manakala selebihnya, iaitu 21 (1.3%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Aktiviti ini mencatatkan jumlah pengeluaran tertinggi di negeri Kedah sebanyak 65,913.2 tan metrik dan jumlah jualan sebanyak 65,831.8 tan metrik. Nilai jualan yang dihasilkan adalah sebanyak RM765.61 juta, iaitu 50.3 peratus daripada hasil keseluruhan subsektor ini. Prestasi ini menunjukkan bahawa subsektor perikanan di Langkawi, merupakan penyumbang terbesar berbanding daerah lain di Kedah, sejajar dengan kedudukan geografi Langkawi sebagai kawasan kepulauan yang kaya dengan sumber protein.

Paparan 64: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Langkawi, 2023

Subsektor Perikanan Tangkapan			
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
 Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	65,913.2	64,714.8	1,198.5
 Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	65,831.8	64,706.0	1,125.8
 Nilai Jualan (RM Juta)	765.61	755.99	9.62

16.4 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Langkawi merekodkan sebanyak 18 pegangan pertanian yang terdiri daripada 7 pegangan pertanian individu dan 11 pegangan pertanian pertubuhan. Secara keseluruhan, aktiviti akuakultur bagi air payau dan air tawar telah mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 896.8 tan metrik, dengan kuantiti jualan sebanyak 854.8 tan metrik. Bagi pengeluaran baka & benih serta ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 100 ekor dengan jualan sebanyak 80 ekor.

Secara keseluruhan, jumlah nilai jualan subsektor akuakultur di Langkawi mencecah RM16.80 juta, dimana menjadikan daerah ini tergolong dalam lima daerah utama yang menyumbang kepada subsektor akuakultur ini.

Paparan 65: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Langkawi, 2023

Subsektor Akuakultur				
				
		Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
	Kuantiti Pengeluaran			
	i. Tan Metrik	896.8	50.7	846.1
	ii. Ekor	100	-	100
	Kuantiti Jualan			
	i. Tan Metrik	854.8	50.0	804.8
	ii. Ekor	80	-	80
	Nilai Jualan (RM Juta)	16.80	0.99	15.81

16.5 SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Subsektor perhutanan dan pembalakan di Langkawi lebih tertumpu kepada aspek pemeliharaan alam semula jadi dan pembangunan ekopelancongan. Kawasan hutan di Langkawi kebanyakannya diklasifikasikan sebagai hutan simpan kekal yang berfungsi untuk perlindungan tanah, tadahan air serta habitat flora dan fauna.

Terdapat satu pegangan pertanian individu yang menjalankan aktiviti pengambilan hasil hutan di Langkawi. Jumlah pengeluaran yang direkodkan adalah sebanyak 30 kilogram hasil hutan dengan nilai jualan sebanyak RM5,400.

Paparan 66: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Langkawi, 2023

Subsektor Perhutanan & Pembalakan



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Kuantiti Pengeluaran

i. Kilogram

30.0

30.0

-

ii. Meter Padu

-

-

-



Kuantiti Jualan

i. Kilogram

30.0

30.0

-

ii. Meter Padu

-

-

-



Nilai Jualan
(RM)

5,400

5,400

-

17.0 AKTIVITI PERTANIAN DAERAH PADANG TERAP

Nama "Padang Terap" dipercayai berasal daripada gabungan dua perkataan: "padang" yang merujuk kepada kawasan tanah rata dan gersang, serta "terap" yang merujuk kepada pokok terap (*Artocarpus elasticus*), sejenis pokok yang banyak tumbuh di kawasan ini. Pokok terap dikenali kerana sifatnya yang tahan kemarau dan menghasilkan getah yang mungkin menjadi ciri penting kawasan ini pada zaman dahulu. Daerah ini terletak di bahagian utara Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan negara Thailand di utara, daerah Sik dan Pendang di sebelah barat serta mempunyai keluasan kira-kira 1,356 kilometer persegi, menjadikannya daerah ketiga terbesar di negeri Kedah. Pusat pentadbiran daerah ini ialah Kuala Nerang.

Daerah Padang Terap mencatatkan populasi sebanyak 67,700 penduduk, dengan pembahagian 52 peratus lelaki dan 48 peratus perempuan. Dari segi komposisi etnik, majoriti penduduk Padang Terap didominasi oleh Bumiputera sebanyak 91.9 peratus, diikuti oleh Cina (0.8%) dan Lain-lain (7.1%). Kadar pertumbuhan penduduk bagi daerah ini adalah 0.9 peratus.

Daerah Padang Terap ditadbir oleh Majlis Daerah Padang Terap yang ditubuhkan pada tahun 1976 hasil penyusunan semula Kerajaan Tempatan Lembaga Bandaran Padang Terap. Daerah ini dibahagikan kepada beberapa mukim iaitu Mukim Batang Tunggang Kanan, Mukim Batang Tunggang Kiri, Mukim Belimbing Kanan, Mukim Belimbing Kiri, Mukim Kurong Hitam, Mukim Padang Temak, Mukim Padang Terap Kanan, Mukim Padang Terap Kiri, Mukim Pedu, Mukim Tekai dan Mukim Tolak.

17.1 SUBSEKTOR TANAMAN

Terdapat penglibatan aktif para pengusaha tempatan dalam mengusahakan pelbagai jenis tanaman di Padang Terap. Daripada 12,634 pegangan pertanian dalam subsektor tanaman, tanaman getah mendominasi dengan 9,488 pengusaha, mencerminkan penyertaan yang signifikan dalam industri ini. Seterusnya, tanaman padi melibatkan 2,844 pengusaha, diikuti oleh tanaman kelapa sawit dengan 319 pengusaha.

Jumlah keluasan bertanam di Padang Terap pada tahun 2023 adalah seluas 34,115 hektar. Daripada jumlah tersebut, 23,264.4 hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 10,850.6 hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 31,017.7 hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan jumlah 20,698.1 hektar.

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Padang Terap mencatatkan 117,069.4 tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 61,201.4 tan metrik, menyumbang 52.3 peratus daripada keseluruhan pengeluaran tanaman di daerah ini. Tanaman padi berada di tempat kedua dengan pengeluaran sejumlah 27,970.6 tan metrik (23.9%), diikuti oleh getah 16,461.8 tan metrik dan buah-buahan 7,632 tan metrik.

Nilai jualan subsektor tanaman di Padang Terap mencatatkan RM306.71 juta dengan nilai jualan tertinggi adalah getah iaitu RM107.92 juta, menyumbang 35.2 peratus daripada keseluruhan nilai jualan di daerah ini. Tanaman buah-buahan berada di tempat kedua dengan nilai jualan sebanyak RM104.39 juta (34.0%), diikuti oleh kelapa sawit iaitu sejumlah RM55.62 juta.

Paparan 67: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Padang Terap, 2023

Subsektor Tanaman



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Keluasan Bertanam
(Ha)

34,115.0

23,264.4

10,850.6



Keluasan Bertuai
(Ha)

31,017.7

20,698.1

10,319.6



Kuantiti Pengeluaran
(Tan Metrik)

117,069.4

65,911.6

51,157.8



Kuantiti Jualan
(Tan Metrik)

105,276.7

54,127.4

51,149.3



Nilai Jualan
(RM Juta)

306.71

206.74

99.97

17.2 SUBSEKTOR TERNAKAN

Daerah Padang Terap merupakan salah satu daerah yang menjadi penyumbang kepada industri ternakan di negeri Kedah. Aktiviti ternakan di daerah ini adalah seramai 259 pegangan pertanian di mana 250 (96.5%) adalah pegangan pertanian individu dan sembilan (3.5%) adalah pegangan pertanian pertubuhan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Padang Terap adalah 8.1 juta ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 8.0 juta ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 118.9 ribu biji telur, 13.5 ribu liter susu segar dan 431.0 kilogram yang meliputi ternakan ayam/itik, madu/kelulut dan hasilan lain.

Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 118.9 ribu biji telur, 9.7 ribu liter susu dan 131.0 kilogram hasilan ternakan lain.

Nilai jualan subsektor ternakan di Padang Terap mencatatkan RM174.47 juta yang mencatatkan nilai jualan ternakan hidup tertinggi iaitu sejumlah RM8.0 juta manakala baki RM128,702 adalah nilai jualan bagi hasilan ternakan.

Paparan 68: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Padang Terap, 2023


Subsektor Ternakan



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Kuantiti Pengeluaran

i. Kilogram	431.0	131.0	300.0
ii. Biji	118,921	118,921	-
iii. Ekor	8,054,088	1,656	8,052,432
iv. Liter	13,500.0	6,000.0	7,500.0



Kuantiti Jualan

i. Kilogram	131.0	131.0	-
ii. Biji	118,871	118,871	-
iii. Ekor	8,036,662	1,524	8,035,138
iv. Liter	9,700.0	2,200.0	7,500.0



Nilai Jualan (RM Juta)

174.47	4.24	170.23
--------	------	--------

17.3 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Subsektor perikanan di Padang Terap memfokuskan kepada perikanan air tawar dan akuakultur, memandangkan daerah ini tidak memiliki garis pantai untuk perikanan laut. Aktiviti perikanan tangkapan di Padang Terap mencatatkan seramai 23 pegangan pertanian di mana semuanya merupakan pegangan pertanian individu.

Aktiviti ini mencatatkan jumlah pengeluaran dan jualan sehingga 4.1 tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM61,159.11. Prestasi ini menunjukkan bahawa subsektor perikanan di Padang Terap, meskipun berskala lebih kecil berbanding daerah pesisir lain tetap berdaya saing dan berpotensi untuk berkembang melalui penggunaan teknologi moden dan sokongan program peningkatan hasil oleh agensi berkaitan.

Paparan 69: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Padang Terap, 2023

Subsektor Perikanan Tangkapan			
	 Pegangan Pertanian	 Individu	 Pertubuhan
 Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	4.1	4.1	-
 Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	4.1	4.1	-
 Nilai Jualan (RM)	61,159.11	61,159.11	-

17.4 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Aktiviti akuakultur di Padang Terap merekodkan 20 pegangan pertanian di mana seramai 14 pegangan pertanian individu dan enam pegangan pertanian pertubuhan. Secara keseluruhan, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 345.7 tan metrik direkodkan bagi aktiviti air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 321.4 tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran dan jualan adalah sama iaitu 3,590 ekor.

Secara keseluruhan, jumlah nilai jualan subsektor akuakultur di Padang Terap mencecah RM2.27 juta, satu angka yang mencerminkan potensi besar subsektor ini dalam menyumbang kepada ekonomi luar bandar dan pembangunan agroindustri moden.

Paparan 70: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Padang Terap, 2023

Subsektor Akuakultur				
	 Pegangan Pertanian	 Individu	 Pertubuhan	
 Kuantiti Pengeluaran				
i. Tan Metrik	345.7	98.5	247.2	
ii. Ekor	3,590	3,590	-	
 Kuantiti Jualan				
i. Tan Metrik	321.4	77.5	243.9	
ii. Ekor	3,590	3,590	-	
 Nilai Jualan (RM Juta)	2.27	0.78	1.49	

17.5 SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Di daerah ini, hanya seorang pengusaha terlibat secara aktif dalam aktiviti pengutipan hasil hutan bukan kayu seperti petai, rebung, buluh dan hasil hutan lain. Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti ini direkodkan 100 kilogram dan 80 kilogram adalah untuk tujuan jualan. Manakala, nilai jualan mencatatkan sebanyak RM400.00.

Bagi aktiviti pembalakan, terdapat enam pertubuhan yang beroperasi secara sah dan aktif yang telah menyumbang kepada kuantiti pengeluaran berjumlah 21,832.6 meter padu kayu balak, dengan jumlah nilai jualan keseluruhan mencecah RM8.25 juta.

Paparan 71: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Padang Terap, 2023

Subsektor Perhutanan & Pembalakan



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Kuantiti Pengeluaran

i. Kilogram

100.0

100.0

-

ii. Meter Padu

21,832.6

-

21,82.6



Kuantiti Jualan

i. Kilogram

80.0

80.0

-

ii. Meter Padu

21,832.6

-

21,832.6



Nilai Jualan
(RM)

8,253,349.53

400.00

8,252,949.53

18.0 AKTIVITI PERTANIAN DAERAH SIK

Daerah Sik merupakan daerah yang mempunyai keluasan tanah terbesar di negeri Kedah. Walau bagaimanapun, dari segi jumlah penduduk, daerah ini berada pada kedudukan kesembilan tertinggi dalam kalangan semua daerah di negeri tersebut dengan blangan penduduk seramai 69,200 orang. Keluasan Daerah Sik adalah sebanyak 1,635 kilometer persegi. Dari segi komposisi etnik, majoriti penduduk Sik didominasi oleh Bumiputera sebanyak 94.1 peratus, diikuti oleh Cina (0.7%), India (0.1%) dan Lain-lain (5.0%). Kadar pertumbuhan penduduk bagi daerah ini adalah 1.2 peratus.

Daerah Sik merupakan sebuah kawasan luar bandar di Negeri Kedah yang mempunyai potensi besar dalam sektor pertanian. Kedudukan geografinya yang berbukit dan berhampiran dengan kawasan tadahan air seperti Empangan Beris dan Hutan Simpan Ulu Muda menjadikan daerah ini sesuai untuk pelbagai jenis kegiatan pertanian.

Subsektor pertanian di Daerah Sik merangkumi pelbagai jenis aktiviti yang berteraskan komoditi utama seperti padi, getah, madu kelulut dan akuakultur, serta tanaman jangka pendek dan buah-buahan. Potensi agropelancongan yang semakin berkembang turut menyumbang kepada kepelbagaian sumber ekonomi luar bandar. Dengan sokongan dasar kerajaan, pembangunan teknologi pertanian serta penglibatan aktif komuniti, sektor pertanian di Sik mampu terus berkembang secara mampan dan memberi impak positif terhadap kesejahteraan sosioekonomi penduduk setempat.

Pelbagai aktiviti pertanian dapat dijalankan di daerah Sik kerana kawasannya yang strategik dan mempunyai tanah yang subur serta kawasan yang sedang membangun. Aktiviti pertanian merupakan sektor yang sangat penting untuk para petani dan penternak usahakan bagi meneruskan kelangsungan hidup, menjadi punca pendapatan dan dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

18.1 SUBSEKTOR TANAMAN

Sik turut menonjol dalam subsektor Tanaman dengan penyertaan aktif pengusaha tempatan dalam pelbagai jenis tanaman. Daripada 12,205 pegangan pertanian, dalam aktiviti tanaman di Sik tanaman getah mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu seramai 11,308 pegangan pertanian, menunjukkan penglibatan yang meluas dalam industri ini. Diikuti oleh tanaman buah-buahan sejumlah 645 pegangan pertanian, manakala tanaman kelapa sawit direkodkan sebanyak 428 pegangan pertanian.

Jumlah keluasan bertanam di Sik pada tahun 2023 adalah seluas 25,058.5 hektar. Daripada jumlah tersebut, 18,533.4 hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 6,525.1 hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 20,142.0 hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan jumlah 15,986.1 hektar.

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Sik mencatatkan 92,426.7 tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu sebanyak 61,582.3 tan metrik, menyumbang 66.6 peratus daripada keseluruhan pengeluaran tanaman di daerah ini. Tanaman getah berada di tempat kedua dengan pengeluaran sebanyak 11,411.2 tan metrik (12.34%), diikuti oleh tanaman padi sebanyak 9,171.6 tan metrik dan tanaman buah-buahan sebanyak 8,017.8 tan metrik. Nilai jualan subsektor tanaman di Sik mencatatkan RM169.95 juta dengan nilai jualan tertinggi adalah getah iaitu sebanyak RM62.97 juta, menyumbang 37.05 peratus daripada keseluruhan nilai jualan di daerah ini. Tanaman kelapa sawit berada di tempat kedua dengan nilai jualan sebanyak RM55.45 juta (32.63%), diikuti oleh tanaman buah-buahan iaitu sejumlah RM32.43 juta.

Paparan 72: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Sik, 2023

Subsektor Tanaman



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Keluasan Bertanam
(Ha)

25,058.5

18,533.4

6,525.1



Keluasan Bertuai
(Ha)

20,142.0

15,986.1

4,155.9



Kuantiti Pengeluaran
(Tan Metrik)

92,426.7

44,628.0

47,808.7



Kuantiti Jualan
(Tan Metrik)

88,498.5

40,821.7

47,676.8



Nilai Jualan
(RM Juta)

169.95

104.91

65.04

18.2 SUBSEKTOR TERNAKAN

Daerah Sik terdapat seramai 540 (98.4%) pegangan pertanian individu dan sembilan (1.6%) pegangan pertanian pertubuhan dengan jumlah keseluruhan seramai 549 bilangan pegangan pertanian ternakan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Sik adalah sebanyak 540,611 ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 528,412 ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 36,500 biji telur, 4,500.0 liter susu segar dan 1,514.0 kilogram yang meliputi sarang burung wallet yang berskala kecil, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 36,490 biji telur, 4,500.0 liter susu dan 1,337.0 kilogram hasilan ternakan lain.

Nilai jualan subsektor ternakan di Sik mencatatkan RM14.93 juta dengan sumbangan pegangan individu berjumlah RM8.26 juta manakala selebihnya RM6.67 juta adalah disumbangkan oleh pegangan pertubuhan.

Paparan 73: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Sik, 2023


Subsektor Ternakan



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Kuantiti Pengeluaran

i. Kilogram	1,514.0	1,514.0	-
ii. Biji	36,500	500	36,000
iii. Ekor	540,611	42,491	498,120
iv. Liter	4,500.0	4,500.0	-



Kuantiti Jualan

i. Kilogram	1,337.0	1,337.0	-
ii. Biji	36,490	490	36,000
iii. Ekor	528,412	39,482	488,930
iv. Liter	4,500.0	4,500.0	-



Nilai Jualan (RM Juta)

14.92

8.26


6.67

18.3 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Subsektor perikanan tangkapan di Sik mencatatkan seramai 47 pegangan pertanian dimana kesemua pegangan pertanian terdiri daripada pegangan pertanian individu.

Aktiviti ini mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 213.1 tan metrik, di mana keseluruhan pengeluaran telah dijual dengan jumlah kuantiti jualan yang sama. Nilai jualan yang direkodkan bagi subsektor ini adalah sebanyak RM3.46 juta, mencerminkan sumbangan berskala kecil namun tetap signifikan dalam pembangunan ekonomi setempat, khususnya dalam subsektor perikanan.

Paparan 74: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Sik, 2023




18.4 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Aktiviti akuakultur di Sik merekodkan sebanyak 36 pegangan pertanian di mana seramai 29 pegangan pertanian perikanan individu dan tujuh pegangan pertubuhan.

Secara keseluruhan, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 275.2 tan metrik direkodkan bagi aktiviti air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 261.4. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 1.506 juta ekor dan sebanyak 1.417 juta ekor adalah untuk tujuan jualan. Secara keseluruhan, jumlah nilai jualan subsektor akuakultur di Sik adalah berjumlah RM2.227 juta.

Paparan 75: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Sik, 2023



18.5 SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Daerah Sik merupakan antara daerah di Negeri Kedah yang kaya dengan kawasan hutan simpanan kekal dan sumber biodiversiti. Kedudukannya yang berhampiran dengan Banjaran Bintang dan kawasan tadahan hujan menjadikan hutan-hutan di Sik penting dari aspek alam sekitar, bekalan air, ekopelancongan dan ekonomi berasaskan hasil hutan. Aktiviti perhutanan di daerah ini meliputi pengurusan sumber hutan, penguatkuasaan, konservasi, serta pembangunan komuniti sekitar hutan.

Di daerah ini, seramai 14 orang pegangan pertanian terlibat secara aktif dalam aktiviti pengutipan hasil hutan bukan kayu seperti petai, rebung, buluh dan hasil hutan lain. Dimana seramai 8 orang pegangan pertanian individu manakala seramai 6 pegangan pertanian pertubuhan. Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti ini direkodkan sebanyak 5,967.8 kilogram dan 5,840.8 kilogram adalah untuk tujuan jualan. Manakala, nilai jualan mencatatkan sebanyak RM60,793.

Bagi aktiviti pembalakan, terdapat enam pertubuhan yang beroperasi secara sah dan aktif yang telah menyumbang kepada kuantiti pengeluaran sebanyak 15,278.4 meter padu kayu balak, dengan jumlah nilai jualan keseluruhan mencecah RM4.778 juta.

Paparan 76: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Sik, 2023

Subsektor Perhutanan & Pembalakan



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Kuantiti Pengeluaran

i.	Kilogram	5,967.8	5,967.8	-
ii.	Meter Padu	15,278.4	-	15,278.4



Kuantiti Jualan

i.	Kilogram	5,840.8	5,840.8	-
ii.	Meter Padu	15,278.4	-	15,278.4



Nilai Jualan (RM)

4,839,566	60,793	4,778,773
-----------	--------	-----------

19.0 AKTIVITI PERTANIAN DAERAH YAN

Daerah Yan merekodkan bilangan penduduk yang stabil iaitu sebanyak 74,700 orang dengan 38,400 orang lelaki dan 36,300 orang perempuan. Warganegara membentuk 99.2 peratus daripada keseluruhan penduduk, manakala bukan warganegara mencatatkan sebanyak 0.8 peratus. Dari segi komposisi etnik, majoriti penduduk Yan didominasi oleh Bumiputera sebanyak 96.2 peratus dan diikuti oleh Cina (3.6%). Bagi etnik India dan Lain-lain, masing-masing sebanyak 0.1 peratus. Kadar pertumbuhan penduduk bagi daerah ini adalah 0.6 peratus.

Daerah Yan merupakan salah satu daerah penting dalam landskap pertanian di negeri Kedah. Banyak aktiviti pertanian yang dapat diusahakan kerana daerah ini mempunyai kawasan tanah pamah yang rata yang terdiri daripada jenis tanah aluvium yang sangat sesuai untuk penanaman padi, getah dan kelapa sawit. Selain penanaman sawah padi, terdapat tanaman buah-buahan di daerah ini seperti buah durian, manggis dan pisang.

Di samping itu, daerah ini juga mengusahakan ternakan rusa. Rusa merupakan sejenis haiwan mamalia berjenis herbivor yang berkuku sama dalam keluarga *Cervidae*.³ Kawasan yang menternak rusa adalah di Batas Ubi *Deer Farm*, yang menternak rusa daripada baka *Cervus Timorensis*. Penternakan lembu dan kambing secara kecil dan sederhana juga wujud sebagai sumber pendapatan sampingan bagi ramai penduduk luar bandar. Kemunculan teknologi pertanian moden dan program sokongan kerajaan turut menyokong peningkatan produktiviti di kawasan ini. Secara keseluruhannya, walaupun Yan semakin maju dalam bidang pembangunan sempadan dan industri, sektor pertanian masih kekal sebagai tunjang ekonomi luar bandar, serta penyumbang penting kepada jaminan makanan bagi Negeri Kedah.

19.1 SUBSEKTOR TANAMAN

Yan turut menonjol dalam subsektor Tanaman dengan penyertaan aktif pengusaha tempatan dalam pelbagai jenis tanaman. Daripada 5,457 pegangan pertanian dalam aktiviti tanaman di Yan, tanaman padi mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu seramai 4,878 pegangan pertanian, menunjukkan penglibatan yang meluas dalam industri ini. Diikuti oleh tanaman getah sejumlah 297 pegangan pertanian, manakala tanaman buah-buahan direkodkan sebanyak 233 pegangan pertanian.

Jumlah keluasan bertanam di Yan pada tahun 2023 adalah seluas 30,570.5 hektar. Daripada jumlah tersebut, 29,007.4 hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 1,563.0 hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 29,919.5 hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan jumlah 28,620.9 hektar.

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Yan mencatatkan 187,146.4 tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah padi iaitu sebanyak 149,750.9 tan metrik, menyumbang 80.0 peratus daripada keseluruhan pengeluaran tanaman di daerah ini. Tanaman kelapa sawit berada ditempat kedua dengan pengeluaran sebanyak 24,336.8 tan metrik (13.0%), diikuti oleh tanaman buah-buahan sebanyak 11,121.5 tan metrik dan sayur-sayuran sebanyak 1,005.4 tan metrik.

Nilai jualan subsektor tanaman di Yan mencatatkan RM309.91 juta dengan nilai jualan tertinggi adalah padi iaitu sebanyak RM178.06 juta, menyumbang 57.4 peratus daripada keseluruhan nilai jualan di daerah ini. Tanaman buah-buahan berada di tempat kedua dengan nilai jualan sebanyak RM100.05 juta (32.2%), diikuti oleh kelapa sawit iaitu sejumlah RM23.08 juta.

Paparan 77: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Yan, 2023

Subsektor Tanaman



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Keluasan Bertanam
(Ha)

30,570.5

29,007.4

1,563.1



Keluasan Bertuai
(Ha)

29,919.5

28,620.9

1,298.6



Kuantiti Pengeluaran
(Tan Metrik)

187,146.4

162,425.2

24,721.2



Kuantiti Jualan
(Tan Matrik)

155,130.1

130,483.2

24,646.9



Nilai Jualan
(RM Juta)

309.91

281.38

28.53

19.2 SUBSEKTOR TERNAKAN

Daerah Yan mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan dalam subsektor ternakan, menjadikannya antara penyumbang utama kepada industri ternakan di negeri Kedah. Aktiviti ternakan di daerah ini adalah seramai 141 pegangan pertanian di mana 136 (96.5%) adalah pegangan pertanian individu dan lima (3.5%) adalah pegangan pertanian pertubuhan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Yan adalah sebanyak 15.2 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 14.9 ribu ekor dijual pada tahun 2023.

AKTIVITI UTAMA MENGIKUT DAERAH

Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 39.7 ribu biji telur, 268.3ribu liter susu segar dan

80.0 kilogram yang meliputi sarang burung wallet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 37.8 ribu biji telur, 260.1 ribu liter susu dan 76.0 kilogram hasilan ternakan lain.

Nilai jualan subsektor ternakan di Yan mencatatkan RM5.68 juta yang mencatatkan nilai jualan pegangan pertanian individu iaitu sejumlah RM3.90 juta manakala baki RM1.78 juta adalah pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 78: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Yan, 2023

Subsektor Ternakan



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Kuantiti Pengeluaran

i. Kilogram

80.0

-

80.0

ii. Biji

39,760

39,760

-

iii. Ekor

15,293

15,236

57

iv. Liter

268,350.0

4,350.0

264,000.0



Kuantiti Jualan

i. Kilogram

76.0

-

76.0

ii. Biji

37,864

37,864

-

iii. Ekor

14,929

14,905

24

iv. Liter

260,144.0

4,327.0

255,817.0



Nilai Jualan
(RM Juta)

5.68

3.90

1.78

19.3 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Subsektor perikanan tangkapan di Yan mencatatkan seramai 534 pegangan pertanian dimana kesemua pegangan pertanian terdiri daripada pegangan pertanian individu.

Aktiviti perikanan tangkapan di Yan mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 11,599.1 tan metrik, dengan kuantiti jualan sebanyak 11,598.5 tan metrik. Nilai jualan yang direkodkan bagi subsektor ini ialah RM149.58 juta, menunjukkan sumbangan berskala kecil namun tetap signifikan dalam konteks ekonomi setempat.

Paparan 79: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Yan, 2023

Subsektor Perikanan Tangkapan			
	 Pegangan Pertanian	 Individu	 Pertubuhan
 Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	11,599.1	11,599.1	-
 Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	11,598.5	11,598.5	-
 Nilai Jualan (RM Juta)	149.58	149.58	-

19.4 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Subsektor akuakultur di Yan merekodkan sebanyak 14 pegangan pertanian di mana seramai 12 pegangan pertanian individu dan dua pegangan pertubuhan. Secara keseluruhan, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 341.5 tan metrik direkodkan bagi aktiviti air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 326.1 tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 660 ekor dan kesemua 660 ekor adalah untuk tujuan jualan.

Secara keseluruhan, jumlah nilai jualan subsektor akuakultur di Yan mencecah RM6.67 juta, satu angka yang mencerminkan potensi besar subsektor ini dalam menyumbang kepada ekonomi luar bandar dan pembangunan agroindustri moden.

**Paparan 80: Parameter Utama Subsektor Akuakultur,
Yan, 2023**

Subsektor Akuakultur				
				
		Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
	Kuantiti Pengeluaran			
i.	Tan Metrik	341.5	261.4	80.1
ii.	Ekor (Juta)	660	660	-
	Kuantiti Jualan			
i.	Tan Metrik	326.1	248.5	77.6
ii.	Ekor (Juta)	660	660	-
	Nilai Jualan (RM Juta)	6.67	4.63	2.04

20.0 AKTIVITI PERTANIAN DAERAH PENDANG

Daerah Pendang merekodkan bilangan penduduk yang stabil iaitu sebanyak 101,600 orang dengan 53,600 orang lelaki dan 46,446 orang perempuan. Warganegara membentuk 98.1 peratus daripada keseluruhan penduduk, manakala bukan warganegara mencatatkan sebanyak 1.9 peratus. Dari segi komposisi etnik, majoriti penduduk Pendang didominasi oleh Bumiputera sebanyak 91.0 peratus, diikuti oleh Cina (2.8%), India (0.4%) dan Lain-lain (5.8%). Kadar pertumbuhan penduduk bagi daerah ini adalah 0.9 peratus.

Pendang dikenali sebagai salah sebuah wilayah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan memiliki kawasan sawah padi yang terbentang luas. Kawasan ini merupakan penyumbang terbesar kepada pengeluaran beras negara. Pendang juga mempunyai enam Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang memainkan peranan penting dalam menggerakkan program-program khususnya pertanian dalam meningkatkan sosioekonomi masyarakat peladang.

Penghasilan beras daripada penanaman padi dilakukan melalui pelbagai proses. Kaedah terkini dalam penanaman padi adalah menggunakan bioteknologi, penggunaan jentera, penggunaan baja dan racun serta penggunaan peralatan dan teknik moden seperti dron. Penggunaan dron bagi semburan baja dan racun dalam subsektor penanaman padi telah diperkenalkan di mana teknologi ini dapat mengurangkan masa sehingga 20 peratus berbanding kaedah meracun biasa.

Penternakan lembu dan kambing secara kecil dan sederhana juga wujud sebagai sumber pendapatan sampingan bagi ramai penduduk luar bandar. Kemunculan teknologi pertanian moden dan program sokongan kerajaan turut menyokong peningkatan produktiviti di kawasan ini. Secara keseluruhannya, sektor pertanian masih kekal sebagai tunjang ekonomi luar bandar, serta penyumbang penting kepada jaminan makanan bagi Negeri Kedah.

20.1 SUBSEKTOR TANAMAN

Pendang turut menonjol dalam subsektor Tanaman dengan penyertaan aktif pengusaha tempatan dalam pelbagai jenis tanaman. Daripada 16,792 pegangan pertanian dalam aktiviti tanaman di Pendang, tanaman padi mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu seramai 9,462 pegangan pertanian, menunjukkan penglibatan yang meluas dalam industri ini. Diikuti oleh tanaman getah sejumlah 7,268 pegangan pertanian, manakala tanaman kelapa sawit direkodkan sebanyak 331 pegangan pertanian.

Jumlah keluasan bertanam di Pendang pada tahun 2023 adalah seluas 48,219.1 hektar. Daripada jumlah tersebut 42,567.3 hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 5,651.7 hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 45,112.3 hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan jumlah 40,862.8 hektar.

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Pendang mencatatkan 264,978.5 tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah padi iaitu sebanyak 163,325.0 tan metrik, menyumbang 61.6 peratus daripada keseluruhan pengeluaran tanaman di daerah ini. Tanaman kelapa sawit berada di tempat kedua dengan pengeluaran sebanyak 82,165.9 tan metrik (31.0%), diikuti oleh tanaman buah-buahan sebanyak 8,225.9 tan metrik dan getah sebanyak 6,761.6 tan metrik.

Nilai jualan subsektor tanaman di Pendang mencatatkan RM382.22 juta dengan nilai jualan tertinggi adalah padi iaitu sebanyak RM178.69 juta, menyumbang 46.7 peratus daripada keseluruhan nilai jualan di daerah ini. Tanaman kelapa sawit berada di tempat kedua dengan nilai jualan sebanyak RM76.21 juta (19.9%), diikuti oleh getah iaitu sejumlah RM41.54 juta.

Paparan 81: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Pendang, 2023

Subsektor Tanaman



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Keluasan Bertanam
(Ha)

48,219.0

42,567.3

5,651.7



Keluasan Bertuai
(Ha)

45,112.3

40,862.8

4,249.5



Kuantiti Pengeluaran
(Tan Metrik)

264,978.5

201,008.9

63,969.6



Kuantiti Jualan
(Tan Matrik)

222,387.3

158,471.0

63,916.3



Nilai Jualan
(RM Juta)

382.22

301.37

80.84

20.2 SUBSEKTOR TERNAKAN

Daerah Pendang mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan dalam subsektor ternakan, menjadikannya antara penyumbang utama kepada industri ternakan di Kedah. Aktiviti ternakan di daerah ini adalah seramai 261 pegangan pertanian di mana 253 (96.9%) adalah pegangan pertanian individu dan lapan (3.1%) adalah pegangan pertanian pertubuhan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Pendang adalah sebanyak 43.6 juta ekor bagi ternakan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 42.2 juta ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 9.4 juta biji telur, 376.7 ribu liter susu segar dan 157.0 kilogram yang meliputi sarang burung wallet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan

bagi hasilan ternakan mencatatkan 9.1 juta biji telur, 347.5 ribu liter susu dan 152.0 kilogram hasilan ternakan lain.

Nilai jualan subsektor ternakan di Pendang mencatatkan RM153.28 juta yang mencatatkan nilai jualan pegangan pertanian pertubuhan tertinggi iaitu sejumlah RM149.79 juta manakala baki RM3.49 juta adalah nilai jualan bagi pegangan pertanian individu.

Paparan 82: Parameter Utama Susektor Ternakan, Pendang, 2023


Subsektor Ternakan



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Kuantiti Pengeluaran

i. Kilogram	157.0	133.0	24.0
ii. Biji	9,456,248	600	9,455,648
iii. Ekor	43,655,476	6,292	43,649,184
iv. Liter	376,702.0	-	376,702.0



Kuantiti Jualan

i. Kilogram	152.0	128.0	24.0
ii. Biji	9,162,985	570	9,162,415
iii. Ekor	42,231,973	5,479	42,226,494
iv. Liter	347,502.0	-	347,502.0



Nilai Jualan (RM Juta)

153.28

3.49

149.79

20.3 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Aktiviti perikanan tangkapan di Pendang terus memainkan peranan penting sebagai penyumbang kepada ekonomi tempatan, dengan mencatatkan sebanyak 73 pegangan pertanian. Aktiviti ini merekodkan jumlah pengeluaran sebanyak 89.0 tan metrik, manakala kuantiti jualan adalah sebanyak 88.9 tan metrik. Nilai jualan yang direkodkan bagi subsektor ini ialah RM1.02 juta.

Walaupun berskala lebih kecil berbanding daerah lain, prestasi subsektor ini menunjukkan potensi yang kukuh untuk berkembang, khususnya melalui penggunaan teknologi moden dan sokongan berterusan daripada agensi berkaitan dalam program peningkatan hasil.

Paparan 83: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Pendang, 2023


Subsektor Perikanan Tangkapan			
	 Pegangan Pertanian	 Individu	 Pertubuhan
 Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	89.0	89.0	-
 Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	88.9	88.9	-
 Nilai Jualan (RM Juta)	1.02	1.02	-

20.4 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Aktiviti akuakultur di Pendang merekodkan sebanyak 47 pegangan pertanian di mana seramai 45 pegangan pertanian individu dan dua pegangan pertanian pertubuhan. Secara keseluruhan, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 244.5 tan metrik direkodkan bagi aktiviti air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 216.8 tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 35.1 ribu ekor dan 34.6 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan.

Secara keseluruhan, jumlah nilai jualan subsektor akuakultur di Pendang mencecah RM2.83 juta, satu angka yang mencerminkan potensi besar subsektor ini dalam menyumbang kepada ekonomi luar bandar dan pembangunan agroindustri moden.

Paparan 84: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Pendang 2023



20.5 SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Di daerah ini, hanya seorang orang pengusaha terlibat secara aktif dalam aktiviti pengutipan hasil hutan bukan kayu seperti petai, rebung, buluh dan hasil hutan lain. Kuantiti pengeluaran dan kuantiti jualan bagi aktiviti ini direkodkan sebanyak 625.0 kilogram. Manakala, nilai jualan mencatatkan sebanyak RM5,000.00.

Bagi aktiviti pembalakan, terdapat tiga pertubuhan yang beroperasi secara sah dan aktif yang telah menyumbang kepada kuantiti pengeluaran sebanyak 32,989.6 meter padu kayu balak, dengan jumlah nilai jualan keseluruhan mencecah RM10.3 juta.

Paparan 85: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Pendang 2023

Subsektor Perhutanan & Pembalakan



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Kuantiti Pengeluaran

i.	Kilogram	625.0	625.0	-
ii.	Meter Padu	32,989.6	-	32,989.6



Kuantiti Jualan

i.	Kilogram	625.0	625.0	-
ii.	Meter Padu	32,989.6	-	32,989.6



Nilai Jualan (RM)

10,382,962.00	500.00	10,377,960.00
---------------	--------	---------------

21.0 AKTIVITI PERTANIAN DAERAH POKOK SENA

Daerah Pokok Sena, yang dinamakan sempena pokok sena atau angkana (*Pterocarpus indicus*) yang tumbuh subur di tebing-tebing sungai kawasan ini, terletak hanya 17 kilometer di timur Alor Setar, Ibu Negeri Kedah. Daerah ini bersempadan dengan Daerah Kota Setar di barat, Daerah Pokok Sena di utara, Daerah Padang Terap di timur, dan Daerah Pendang di selatan. Dengan keluasan seluas 244 kilometer persegi, Pokok Sena merupakan daerah kedua terkecil di negeri Kedah, namun kaya dengan kepelbagaian budaya dan komuniti. Penduduknya berjumlah kira-kira 51,000 orang dengan komposisi gender yang hampir seimbang, iaitu 54.5 peratus lelaki dan 45.5 peratus perempuan. Dari segi komposisi etnik, majoriti penduduk Pokok Sena didominasi oleh Bumiputera sebanyak 92.7 peratus, diikuti oleh Cina (4.8%), India (1.7%) dan Lain-lain (0.8%). Kadar pertumbuhan penduduk bagi daerah ini adalah 1.0 peratus.

